

S&P Parlimen  
**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI RABU : 9 MARCH 2011**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 9 HINGGA 74)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8 SOALAN  
NO. 40, 56, DAN 72 DIJAWAB SEKALIDENGAN SOALAN NO. 2 [RUJUK  
PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARI PAD A DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH  
[LENGGONG]

TARIKH 9 MAC 2011 (RABU)

SOALAN

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kesan penjimatan subsidi minyak kepada negara:

- (a) ke manakah dibelanjakan hasil penjimatan berkenaan, dan kesannya kepada ekonomi negara dan rakyat; dan
- (b) pencapaian NKRA, NKEA dan ETP setelah dilaksanakan oleh Kerajaan dan kesannya kepada ekonomi negara secara keseluruhannya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a)

Untuk pengetahuan semua, hasil daripada langkah kerajaan merasionalisasikan subsidi ianya belum lagi dapat mendatangkan penjimatan memandangkan bahawa harga minyak dunia sentiasa meningkat.

Sebagai contoh, purata harga minyak mentah dunia se-tong adalah sebanyak pada bulan Julai 2010 berharga USD76.05 berbanding dengan harga purata bulan Disember 2010 dengan harga USD89.20 se-tong. Harga minyak adalah mengikut kadar West Texas Intermediate (WTI). Harga terkini minyak mentah telah melebihi US\$100 se-tong.

la jelas menunjukkan bahawa masih tiada penjimatan yang dapat diperolehi, dan ianya hanya dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan sejurusnya mengurangkan defisit atau hutang kerajaan.

Jawapan (b)

Untuk tahun 2010, pencapaian NKRA di bawah Program Transformasi Kerajaan adalah seperti berikut:

NKRA Mengurangkan Jenayah

- Penurunan 15% pada kadar indeks jenayah keseluruhan
- Penurunan 35% pada kadar jenayah jalanan

Penurunan ini adalah hasil daripada fokus yang diberikan kepada 50 kawasan panas atau 'hot spots' yang telah dikenal pasti mempunyai kadar jenayah tertinggi. Tambahan pula, sebanyak 29,764 anggota beruniform telah dimobilisasi untuk membanteras jenayah. Ianya terdiri daripada 14,222 anggota polis yang telah ditempatkan semula daripada kawasan yang mempunyai kurang jenayah kepada 50 kawasan panas, 7,402 anggota polis yang bertugas sebagai kerani ditempatkan ke barisan hadapan untuk memerangi jenayah, dan 8,140 anggota Polis Hutan (PGA) ditukarkan daripada bertugas di hutan ke bertugas di bandar.

Selain itu, pada tahun 2020 sebanyak 496 CCTV telah dipasang di kawasan-kawasan tertentu, 753 balai polis telah dinilai dan pengiktirafan telah diberikan kepada mereka yang telah memberi pencapaian yang baik, serta 358,811 anggota Rakan Cop telah diaktifkan.

NKRA Pengangkutan Awam Bandar

- Penggunaan BET (Bus Expressway Transit) meningkat

- 22 tren LRT 4 gerabak baru telah beroperasi yang membawa kepada 2.43 juta peningkatan pengguna LRT

#### NKRA Meningkatkan Pendidikan

- 1,500 kelas pra-sekolah telah bermula yang memberi manfaat kepada 54,569 kanak-kanak
- Kadar 'literacy' mencapai 85% dan kadar 'numeracy' 91% untuk murid-murid pada darjah 1
- 9,814 sekolah rendah dan menengah telah dinilai dan diberi pangkat dan dikategorikan kepada 7 kumpulan atau 'band'. Daripada itu, terdapat peningkatan sebanyak 40% dalam keputusan UPSR bagi sekolah yang berada di 2 band terendah
- Sebanyak 20 sekolah telah dinamakan sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi pada 2010

#### NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar

- 775 km jalan raya di kawasan kampung dan pedalaman telah dibina
- 35,291 rumah luar bandar telah disambungkan dengan bekalan air bersih
- 27,209 rumah di kawasan pedalaman telah disambungkan dengan bekalan elektrik
- 16,926 buah rumah telah dibina atau dibaik pulih untuk penggunaan masyarakat miskin

Kesemua inisiatif-inisiatif tersebut telah menyentuh lebih 2 juta orang yang tinggal di kawasan pedalaman.

- Penurunan sebanyak 99.76% golongan miskin tegar (44,643 pada

penghujung tahun 2009 kepada hanya 108 orang pada penghujung bulan Disember 2010)

- 12,893 orang terlibat dalam program 1Azam yang terdiri daripada AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Kerja dan AZAM Khidmat

#### NKRA Membanteras Rasuah

- Sejak akta 'whistle blower' telah diluluskan, sebanyak 100 kes telah dilaporkan
- 3,756 kontrak yang diberikan oleh kerajaan telah dipamerkan di dalam laman web
- 805 individu telah ditangkap atas kesalahan rasuah
- 284 orang telah disabitkan atas kesalahan rasuah dan setiap nama, gambar dan nombor kad pengenalan mereka dipamerkan di laman web SPRM
- Keberkesanan Kerajaan dalam menangani rasuah telah meningkat daripada 28% pada tahun 2009 kepada 48% pada tahun 2010 hasil daripada kajian Transparency International Global Corruption Barometer

Untuk Program Transformasi Ekonomi pula, sejak ia dilancarkan pada Disember 2010, pencapaiannya adalah seperti berikut:

- 37 projek di bawah 27 EPP telah diumumkan dan dilancarkan
- Hasil daripada itu, RM80.3 bilion telah dilaburkan oleh sektor swasta

Akan menyumbang sebanyak RM117 bilion Pendapatan Negara Kasar (PNK)

menjelang tahun 2020

Sebanyak 136,000 peluang pekerjaan akan terwujud hasil daripada 37 projek tersebut

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA

: LISAN

PUAN CHONG ENG

[BUKIT MERTAJAM]

TARIKH BERSIDANG

9 MAC 2011

SOALAN

PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah benar kadar penggunaan katil (*bed occupancy rate*) di Hospital Seberang Jaya telah mencapai lebih 100%. Mengapakah bangunan tambahan yang dirancang belum dibina bilakah ianya akan mula dibina

**Tuan Yang Dipertua,**

Kadar penggunaan katil (*bed occupancy rate*) bagi Hospital Seberang Jaya telah mencapai 105.54% pada tahun 2010. Kementerian Kesihatan merancang untuk membina bangunan tambahan yang dapat menampung penambahan 300 katil, Dewan Bersalin dan Jabatan Kecemasan.

Kementerian ini akan memohon cadangan untuk membina bangunan tambahan Hospital Seberang Jaya di bawah *Second Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-10.

Pada masa yang sama, Kementerian akan memulakan perancangan bagi projek ini termasuk rekabentuk agar projek ini akan sedia untuk dilaksanakan pada awal



tahun 2013. Sebagai langkah jangka pendek, Kementerian telah meluluskan peruntukan untuk naiktaraf dan penggantian peralatan seperti berikut:-

- i. Kerja-kerja naiktaraf *main switch board* bagi menampung jumlah kapasiti sediaada, kerja-kerja naiktaraf panel VIE Tank dan mengubahsuai ruang dalaman klinik Ortopedik untuk dijadikan bilik plaster dan minor OT;
- ii. Pembelian peralatan berjumlah RM 15.9 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 termasuk MRI, Echocardiography Machine, Steam Sterilizer dan peralatan-peralatan perubatan lain termasuk pembelian peralatan semasa wabak H1N1.

Dalam masa yang sama Hospital Bukit Mertajam yang terletak kira-kira 10 kilometer daripada Hospital Seberang Jaya mempunyai 242 katil dengan kelengkapan yang lengkap seperti 3 buah Dewan Bedah. Adalah disyorkan penduduk di kawasan Butterworth dan Bukit Mertajam untuk menggunakan kemudahan ini.

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

JAWAB LISAN

TARIKH

TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH 9

SOALAN

MAC 2011 (RABU)

NO.11

Tuan Hasbi bin Habibollah[ Limbang ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan dapatkah Kerajaan menubuhkan sebuah Kolej Komuniti di kawasan Limbang sama ada institusi kemahiran atau vokasional memandangkan faktor geografi Limbang yang berada di antara dua daerah Negara Brunei Darussallam amatlah menyulitkan untuk keluar dengan perlunya memiliki passport dan kos perjaianan yang tinggi sedangkan ramai golongan yang memerlukan institusi kemahiran atau vokasional ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah tempoh *rolling plan* pertama RMKe-10 (2011-2012), tiada projek baru diluluskan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk membina politeknik dan kolej komuniti baru di seluruh negara termasuk di Limbang, Sarawak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK  
(SIK)  
TARIKH : 09.03.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan rasional Kerajaan menghadkan matapelajaran yang diambil oleh pelajar peringkat SPM kepada 10-12 subjek sahaja, langkah ini menghalang pelajar-pelajar sekolah agama (Arab) untuk mengambil lebih matapelajaran yang mereka pelajari di sekolah (akademik 14 subjek dan matapelajaran agama lebih dari itu), adakah Kerajaan berhasrat untuk menarik balik ketetapan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Keputusan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk menghadkan jumlah mata pelajaran yang boleh diambil oleh calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kepada 10+2 adalah setelah mengambil kira pelbagai aspek termasuk mata pelajaran elektif yang ditawarkan kepada murid aliran agama, agama sains dan agama kemanusiaan. Oleh yang demikian, buat masa ini, KPM tidak berhasrat untuk menarik balik dasar tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM berpandangan jumlah mata pelajaran yang dihadkan itu adalah memadai bagi calon SPM yang mengikuti pelbagai aliran. Ini bertujuan supaya murid-murid tersebut akan lebih terfokus dalam pembelajaran di samping mempunyai masa yang mencukupi untuk

melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembinaan modal insan yang lain. Penglibatan dalam kokurikulum juga penting dalam usaha KPM membangunkan potensi akal, jasmani, rohani dan emosi murid secara seimbang, selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Rjm 05

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA

LISAN

DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI

TARIKH

(KUALA NERUS)

09.03.2011 (RABU)

DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [ KUALA NERUS ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah perancangan jangka panjang Kerajaan untuk mengatasi masalah keperluan harian yang kehabisan stok akibat cuti panjang atau berlaku malapetaka di negara pembekal.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan bekalan barang keperluan harian mencukupi. Untuk memastikan bekalan sentiasa ada terutamanya menjelang musim perayaan dan cuti panjang atau berlaku malapetaka di negara pembekal, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah dan akan mengambil tindakan berikut:

1. Menubuhkan Jawatankuasa Bekalan dan Harga yang dipengerusikan oleh Y.B.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan dianggotai oleh Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan.

Jawatankuasa ini berfungsi untuk mengenalpasti mekanisme bagi mengatasi masalah gangguan bekalan dan isu kenaikan harga barangan keperluan.

Mengadakan dialog dan perundingan dengan pihak pengeluar, pengimport dan pemborong barangan keperluan. Antara yang dibincangkan adalah antara lain :

- i. Supaya pengeluar meningkatkan kapasiti pengeluaran barang kawalan;
- ii. Pengimport mengimport lebih banyak bekalan; dan
- i i i. Situasi stok serta jadual penghantaran bekalan kepada pihak peruncit.

Mengadakan mini stok melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Peisekutuan (FAMA), Koperasi dan Felda.

Menjadikan koperasi sebagai pemborong minyak masak supaya bekalan tidak terputus.

Meminta peruncit menambah stok / bekalan sebelum musim perayaan atau cuti panjang. Walau bagaimanapun, terdapat situasi di mana pihak peruncit tidak menggandakan tempahan menjelang cuti panjang atau membuat tempahan dengan kuantiti normal. Keadaan ini mengakibatkan bekalan di sesetengah kawasan terjejas.

Mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk meliberalisasi permit import (AP).

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

Dr. Mujahid B. Hj. Yusof Rawa (Parit Buntar) 9

TARIKH

MAC 2011 (RABU)

SOALAN

DR. MUJAHID B. HJ. YUSOF RAWA minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan maklumat terkini tentang pelaksanaan Dasar Keselamatan. Makanan dan sejauh manakah pencapaiannya.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Di Pertua,  
Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) 2008-2010 akibat daripada kenaikan harga minyak serta krisis bekalan makanan yang berlaku pada awal tahun 2008. Terdapat 8 program utama telah dilaksanakan meliputi peningkatan hasil pengeluaran padi, penambahan stok penimbal beras, peningkatan pengeluaran produktiviti melalui Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan ternakan lembu dan kambing, pemberian insentif pengeluaran, pengukuhan pemasaran, program Bumi Hijau, pengurusan tanah terbiar dan elaun sara hidup bagi nelayan.

Berdasarkan kajian impak pelaksanaan, Program DJBM didapati telah merangsang peningkatan pengeluaran makanan di mana jumlah pengeluaran sektor agro makanan telah meningkat kepada 8.9 juta metrik tan pada tahun

2010 berbanding sebanyak 8.1 juta metrik tan pada tahun 2008 iaitu kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 6.1%.

Walaupun Kerajaan telah berjaya memastikan penduduk memperolehi bekaian makanan yang mencukupi semasa krisis makanan global pada tahun 2008 melalui pelaksanaan Dasar Jaminan Bekaidan Makanan, Kerajaan masih berhati-hati dengan isu jaminan bekaian makanan (food security) berdasarkan persekitaran baru di peringkat dunia yang diramal akan menjejaskan pengeluaran makanan dan biodiversiti global iaitu:

- i. peningkatan harga makanan dunia;
- ii. peningkatan harga input pertanian;
- iii. pertambahan penduduk dunia;
- iv. perubahan kepelbagaian diet yang ketara;
- v. peningkatan penggunaan komoditi makanan untuk bioteknologi; dan
- vi. perubahan iklim dunia yang mengakibatkan bencana alam seperti banjir dan kemarau.

Dengan mengambil kira senario peringkat global seperti yang telah disebutkan tadi serta Model Baru Ekonomi dan Pelan Transformasi Ekonomi yang diperkenalkan oleh Kerajaan, beberapa strategi telah dirangka di dalam Dasar Agromakanan bagi tempoh 2011-2020 untuk menjamin bekaian makanan dalam negara iaitu:

- (i) Meneruskan pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta projek-projek di bawah NKEA Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, ternakan dan perikanan;
- (ii) Membangunkan tanah pertanian akan secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nenas dan tembikai di kawasan tanaman semula kelapa sawit dan integrasi kelapa sawit dengan ternakan;



- (iii) Membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran;
- (iv) Menumpukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi seperti teknologi *-omics* dan *bioproses*, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau;
- (v) Meningkatkan penglibatan pihak swasta akan menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi. Pihak swasta juga digalakkan untuk menubuhkan konsortium atau syarikat peneraju bagi mengendalikan pengeluaran dan pemasaran untuk kumpulan sasaran melalui ladang kontrak dan pakatan strategik; dan
- (vi) Membenarkan pelabur swasta untuk membuat pelaburan di luar negara secara timbal balik (*reverse investment*) bagi pengeluaran komoditi utama makanan yang dikenal pasti. Pelaburan timbal balik ini akan membantu meningkatkan sekuriti bekalan makanan dalam negara khususnya dalam menghadapi situasi krisis makanan yang mana hasil keluaran pertanian dibawa balik secara langsung atau sebagai produk akhir untuk kegunaan tempatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Dasar Agromakanan ini sedang diselaraskan dengan Dasar Komoditi Industri oleh Unit Perancang Ekonomi sebagai Dasar Pertanian Negara Ke-4.

Tuan Yang Di Pertua,

Selain daripada strategi-strategi yang dinyatakan tadi, bagi menangani isu

kenaikan harga bahan makanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kini sedang mengambil pendekatan berikut.

- (i) Bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam mengemukakan input-input berkenaan faktor yang boleh menyumbang kepada kenaikan harga pasaran khususnya kepada harga produk pertanian keluaran tempatan di peringkat *ex-farm*. Pendekatan ini akan dijalankan melalui pengumpulan data bagi bahan makanan tertentu yang sering kali mengalami kenaikan harga seperti ayam dan ikan. Maklumat-maklumat ini akan disalurkan terus kepada KPDNKK agar maklumat yang tepat berkenaan punca-punca kenaikan harga dapat dijelaskan dengan lebih tepat;
- (ii) Selaras dengan dasar Kementerian untuk memelihara kepentingan petani/penternak/nelayan/usahawan dan memastikan kenaikan harga pengeluaran berada di paras stabil, Kementerian kini sedang mengambil tindakan dengan mengadakan dialog bersama persatuan-persatuan pengeluar bahan makanan utama seperti ayam dan daging. Dialog ini bertujuan mendapatkan komitmen dan seterusnya memastikan kedua-dua pihak, pengeluar dan pengguna dapat menikmati kadar harga pasaran yang kompetitif dan tidak membebankan pengguna; dan
- (iii) Bagi bahan makanan yang tidak dikeluarkan dalam Malaysia seperti bawang dan lain-lain, pihak FAMA telah diminta untuk mewujudkan stok bekaian bahan-bahan tersebut

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN  
DAHLAN (KOTA BELUD)**

**TARIKH**

**9 MAC 2011**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan berapa buah peruntukan rumah untuk orang miskin yang diberikan kepada Kota Belud pada tahun 2010 dan yang dirancang untuk 2011 dan 2012.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi tahun 2010, sejumlah RM3.2 juta telah diperuntukkan bagi membiayai sejumlah 80 projek Bina Baru rumah di bawah Program Bantuan Rumah (PBR).

Untuk makluman Yang Berhormat, komitmen Kerajaan dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat miskin dan miskin tegar di luar bandar adalah padu dan berterusan. Justeru itu, dalam tahun 2011 dan 2012, usaha ini akan dilipat gandakan di mana sejumlah RM11.11 juta dicadang diagihkan kepada kawasan Kota Belud. Berdasarkan kepada cadangan agihan ini, diunjurkan sejumlah 249 projek Bina Baru dan 35 projek Baik Pulih rumah dapat dilaksanakan di kawasan Kota Belud. Pelaksanaan projek-projek ini dijangka akan memberikan impak peningkatan kualiti dan kesejahteraan hidup kepada seramai 284 keluarga miskin dan miskin tegar di kawasan Kota Belud.

**NO. SOALAN: ^**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS  
(2011)**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**TARIKH**

**9 MAC 2011 [ RABU ]**

**DARIPADA**

**Y.B. Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]**

**SOALAN :**

Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci mengenai

- (a) data terkini bagi kos pakej Haji, bilangan pencarum, purata caruman dan jumlah sumbangan pencarum Tabung Haji; dan
- (b) penjelasan mengenai strategi pelaburan yang tidak fokus kepada kemudahan dan kelengkapan jemaah Haji dan seterusnya merugikan Tabung Haji.

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pakej haji adalah berbeza mengikut jenis pakej yang mempunyai kemudahan yang berbeza dari segi jenis dan jarak hotel penginapan daripada Masjidil Haram, pengangkutan yang disediakan dan sajian makan minum serta pelbagai perkhidmatan tambahan. Bagi musim haji 1431H (2010), kos pakej haji yang ditawarkan untuk seorang bakal haji adalah di antara RM15,638 hingga RM121,610.

Mengenai bilangan pendeposit *TH*, sehingga 31 Januari 2011, adalah seramai 5.7 juta, dimana purata simpanan caruman adalah berjumlah RM4,810.22. Sehingga tarikh tersebut juga, jumlah dana simpanan pendeposit *TH* adalah berjumlah RM27.42 billion.

- b) Tujuan penubuhan *TH* adalah bagi membantu rakyat Malaysia untuk menyimpan wang secara beransur-ansur bagi tujuan mengerjakan Haji. Selaras dengan perkembangan semasa, Akta *TH* telah dipinda pada tahun 1995 bagi membolehkan *TH* mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi di dalam dan luar Negara. Aktiviti pelaburan yang dilaksana berpandukan patuh syariah dan melalui proses kelulusan seperti yang termaktub di

dalam Akta.

Aktiviti pelaburan yang dilaksanakan telah menyumbang ke arah memperkasakan ekonomi ummah dan pembangunan negara. Keuntungan daripada pelaburan dipulangkan kepada para pendeposit dalam bentuk bonus pada setiap tahun.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.03.2011

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan beban subsidi barang keperluan kepada Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memantau dengan cermat pemberian subsidi dan kesannya kepada kedudukan kewangan Kerajaan. Ini termasuk meningkatkan keberkesanan agihan pemberian subsidi supaya objektif pemberian subsidi dapat dicapai. Selain itu, Kerajaan juga melaksanakan langkah

merasionalisasi pemberian subsidi secara menyeluruh termasuk menyemak tujuan dan kadar pemberian subsidi, mengenai pasti kumpulan sasaran dengan lebih tepat, menyusun semula subsidi bagi mengelakkan pertindihan, memperbaiki sistem pengagihan/penyaluran subsidi dan sebagainya.

2. Program merasionalisasikan pemberian subsidi telah dimulakan pada 16 Julai 2010 melibatkan subsidi bahan api dan gula. Hasil daripada langkah ini, Kerajaan telah dapat menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM750 juta dalam tahun 2010. Program seterusnya pula dilaksanakan pada 4 Disember 2010 melibatkan subsidi bagi kedua-dua bahan yang sama. Langkah ini dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan sebanyak RM1.18 bilion. Penjimatan yang diperolehi Kerajaan membolehkan lebih banyak perbelanjaan dapat disalurkan untuk membiayai program seperti di sektor pendidikan dan kesihatan serta Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

3. Selain itu, Kerajaan juga menguatkuasakan larangan kepada pengilang gula daripada menjual gula bersubsidi kepada syarikat/industri membuat makanan/minuman bagi tujuan eksport. Agihan subsidi/bantuan juga akan diselaraskan di bawah sistem e-Kasih bagi mengelakkan pemberian subsidi berganda atau bertindih.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, sungguhpun Kerajaan komited dengan usaha untuk merasionalisasikan subsidi, namun kebajikan dan kepentingan rakyat tetap menjadi keutamaan Kerajaan. Oleh yang demikian, sebarang langkah yang diambil

dalam merasionalisasikan subsidi akan diperhalusi dengan teliti bagi mengimbangi kesejahteraan rakyat dengan keperluan menguruskan kedudukan kewangan negara.

PERTANYAAN



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA : LISAN  
: Y.B. TUAN MOHSIN BIN HAJI SAMSURI  
[BAGAN SERAI]  
TARIKH : 9 MAC 2011 (RABU)

SOALAN:

Y.B. Tuan Mohsin Bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai projek di bawah kelolaan NCER untuk IADA yang telah dibatalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bagan Serai, tiada projek yang telah dibatalkan untuk Pembangunan Bersepadu Kawasan Pertanian (IADA) di Utara Perak dan Selatan Pulau Pinang di bawah kelolaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Antara projek-projek yang dilaksanakan oleh NCIA di kawasan IADA adalah Program Menaiktaraf Skim Pengairan Kawasan Padi dan Program Mencegah Banjir di Daerah Kerian, Perak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bagan Serai juga, selaras dengan hala tuju baru, NCIA kini lebih berperanan sebagai fasilitator dalam memudah cara pelaburan bagi memacu pembangunan NCER. Sehubungan ini, NCIA memudah cara dengan bekerjasama dengan Jabatan dan Agensi pelaksana seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam melaksanakan projek dan program mengikut fungsi masing-masing.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI AZMI**  
**BIN KHALID**  
**(PADANG BESAR)**

**TARIKH 9 MAC 2011**

**SOALAN : 19**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah rasionalnya pihak Kerajaan mengarahkan supaya kebenaran tuan- tuan tanah diperolehi terlebih dahulu sebelum jalan-jalan kampung yang dirosakkan banjir (baru-baru ini), diperbaiki semula, walhal jalan-jalan ini telah lama wujud atas perbelanjaan Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak pernah mengarahkan supaya kebenaran tuan- tuan tanah diperolehi terlebih dahulu sebelum jalan-jalan kampung yang rosak akibat banjir diperbaiki semula.

**NO. AUM : 7**

**NO. AUP :10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]

TARIKH 9 MAC 2011

RUJUKAN 3342

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) jumlah banduan rakyat asing yang ditahan di penjara seluruh Malaysia hingga Disember 2010; dan

(b) berapakah keseluruhan kos menyelenggara setiap banduan asing setiap tahun.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

Dimaklumkan bahawa mengikut statistik Jabatan Penjara sehingga 31 Disember 2010, terdapat seramai 9,620 banduan warga asing sedang menjalani hukuman atau ditahan di penjara kerana pelbagai kesalahan. Sejumlah 5,482 atau 57% daripada mereka melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen.

Untuk tahun 2010, kos keseluruhan (utiliti) bagi tujuan penyelenggaraan seorang banduan adalah sebanyak RM35.00 sehari. Ia melibatkan kos bagi tujuan penyediaan peralatan, kemudahan harian, perubatan, kawalan, pengirangan, pemulihan, emolomen dan lain-lain.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI  
(BATANG SADONG)

TARIKH

09.03.2011

SOALAN:

Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [ BATANG SADONG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memantapkan lagi institusi pendidikan khas supaya guru-guru yang terlatih dalam sesuatu bidang seperti penglihatan dilatih dalam bidang pendengaran kerana ia mempunyai kaitan di antara satu sama lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai program untuk memantapkan lagi institusi pendidikan khas di samping meningkatkan kualiti guru. Antara usaha ke arah itu, KPM telah menyediakan pelbagai kursus- kursus peningkatan profesionalisme yang berkaitan bukan sahaja kepada guru- guru pendidikan khas masalah penglihatan dan pendengaran malah kepada semua kategori permasalahan dalam bidang pendidikan khas. Usaha Ini bertujuan bagi memastikan guru-guru tersebut sentiasa berada pada tahap profesionalisme yang tinggi seterusnya dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Antara kursus peningkatan profesionalisma guru-guru pendidikan khas yang dilaksanakan ialah:

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Kursus Peningkatan Pengurusan dan Pentadbiran Program Pendidikan Khas Integrasi Kategori Masalah Pembelajaran.

Kursus Peningkatan Pendidikan Khas (Orentasi dan Mobiliti) Bagi Guru- Guru Pendidikan Khas Kategori Masalah Penglihatan.

Kursus Asas Disleksia bagi Guru-Guru Program Pendidikan Khas Integrasi Kategori Masalah Pembelajaran.

Kursus Prasekolah Pendidikan Khas.

Menghantar guru-guru pendidikan khas menghadiri seminar dan bengkel yang dianjurkan agensi luar iaitu, Seminar Pendidikan Inlusif, Seminar Transisi Kerjaya, Seminar Pengesanan dan Intervensi Awal dan Bengkel *Augmentative and Alternative Communication*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                      JAWAPAN LISAN

DARIPADA :                      Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL

TARIKH                              9 MAC 2011 (RABU)

SOALAN:

Tuan Azran bin Ismail [INDERA MAHKOTA] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistic perbelanjaan rumahtangga serta kedudukan hutang isi rumah (*household*) rakyat Malaysia selepas janji tiada kenaikan harga minyak pada tahun lepas.

~~JAWAPAN~~  
Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Purata jumlah perbelanjaan isi rumah di Malaysia adalah sebanyak RM 2,190 pada tahun 2010 berbanding dengan RM1,953 pada tahun 2005, iaitu meningkat sebanyak 12.1%. Di antara perbelanjaan yang meningkat tinggi adalah perbelanjaan untuk elektrik, gas dan bahan api 51.1% kepada RM495 sebulan; komunikasi sebanyak 20.4% (RM124 sebulan); pelbagai barangan dan perkhidmatan 13.8% (RM190 sebulan); makanan dan minuman bukan alkohol sebanyak 13.4% (RM677 sebulan); dan pengangkutan 4.1% kepada RM327 sebulan.

Dari segi corak perbelanjaan pula, kira-kira 31% isi rumah membelanja pendapatan mereka untuk makanan dan minuman bukan alcohol, diikuti oleh perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api sebanyak 22.6%, pengangkutan 14.9%, komunikasi 5.6% serta perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah sebanyak 4.1%.

1

Sementara itu, berdasarkan laporan Bank Negara, kedudukan hutang isi rumah Malaysia telah meningkat daripada RM361.029 juta atau 69.1% kepada KDNK pada tahun 2005 kepada RM516,559 juta atau 76.6% kepada KDNK pada tahun 2009. Kedudukan ini adalah masih pada paras yang berhemah dan masih rendah jika dibandingkan dengan negara maju yang lain. Mengikut *McKinsey Global Institute*, kedudukan hutang isi rumah pada tahun 2008 bagi Amerika Syarikat adalah sebanyak 96% kepada KDNK, manakala bagi United Kingdom adalah 101%, Switzerland 116%, Korea Selatan 80%, dan Kanada 84%.

Walau bagaimanapun, kedudukan hutang isi rumah ini adalah sentiasa dipantau oleh Bank Negara terutamanya melalui sistem maklumat rujukan kredit pusat. Melalui sistem ini, institusi perbankan dapat mengetahui obligasi kewangan seseorang peminjam semasa melakukan penilaian kredit. Selain itu, kadar Pinjaman Tidak Berbayar (NPL) bagi sektor isi rumah adalah masih rendah iaitu pada kadar 2.3 peratus. Beberapa langkah yang lain juga telah diambil bagi mengurangkan hutang isi rumah seperti pelaksanaan cukai perkhidmatan sebanyak RM50 bagi setiap pemilikan kad kredit bagi mengalakkan perbelanjaan

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT**

berhemah. Selain itu juga, strategi pembiayaan sehingga maksima 70% untuk pembelian rumah ketiga telah dilaksanakan bagi menangani isu spekulasi dan pembelian rumah yang tidak terkawal sehingga menghadkan peluang pembeli rumah pertama.



Tuan Yang di-Pertua,

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN DING KUONG HUNG
TARIKH SOALAN	9 MAC 2011 (RABU) N0.23

Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan status kelulusan pembinaan Kolej Komuniti di Sarikei. Jika tidak, nyatakan sebab atas persetujuan YAB Perdana Menteri mengenai pembinaan kolej tersebut di Sarikei.

#### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah tempoh *rolling plan* pertama RMKe-10 (2011-2012), tiada projek baru diluluskan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk membina kolej komuniti baru di

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT**

seluruh negara termasuk di Sarikei, Sarawak.

PERTANYAAN

JAWAB LISAN TUAN

DARIPADA

TARSKH

SOALAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
TAN TEE BENG**

9 *MAC* 2011 (RABU)

**N0.24**

TUAN TAN TEE BENG [ Nibong Tebal ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sama ada terdapat rancangan Kerajaan untuk menghapuskan sistem kuota mengikut kaum bagi peiajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke IPTA memandangkan Kerajaan serius dalam pelaksanaan konsep 1 Malaysia yang mengamalkan konsep satu bangsa yakni Bangsa Malaysia.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pengambilan Mengikut Kuota Kaum iaitu 55% bumiputera, 35% Cina, dan 10% India dan lain-lain telah dihapuskan sejak sesi akademik 2002/2003 dan digantikan dengan dasar Meritokrasi. Dasar ini, mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum untuk menjana markah merit pemohon.

LISAN

DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]

9 MAC 2011 NO. AUM : 26

3344 NO. AUP : XS

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

SOALAN:

**PERTANYAAN** Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ] minta  
**DARIPADA** MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah  
**TARIKH** langkah-langkah yang telah diambil supaya seorang  
**RUJUKAN** Pegawai Penyiasat (jenayah) Polis DiRaja Malaysia  
boleh ditempatkan di setiap balai polis supaya  
tindakan penyiasatan khasnya yang melibatkan  
jenayah masa menunggu yang terlalu lama hingga  
menjadi rungutan awam.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong Piai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Pada masa ini terdapat 1,616 orang pegawai penyiasat ditempatkan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) seluruh negara. PDRM sedang membuat kajian secara menyeluruh untuk penstrukturan semula organisasi balai polis seluruh negara. Melalui penstrukturan semula ini sekurang-kurangnya seorang pegawai penyiasat jenayah dapat ditempatkan di setiap balai polis seluruh negara supaya tindakan penyiasatan khasnya yang melibatkan jenayah tidak mengambil masa yang terlalu lama hingga menjadi rungutan awam.

PDRM juga telah mengemukakan cadangan penambahan jawatan pegawai penyiasat pada 12 Januari 2010 kepada agensi pusat dan berharap dengan penambahan ini, ia akan dapat membantu PDRM untuk mengambil tindakan penyiasatan yang lebih pantas dan berkesan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**                    **TUAN LIM KIT SIANG**  
**(IPOH TIMUR)**

**PERTANYAAN :**            **LISAN**

**TARIKH**                    **09.03.2011**

Tuan Lim Kit Siang ( Ipoh Timur )            minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan mengenai laporan Integriti Kewangan Sedunia (GFI) bahawa Malaysia mengalami aliran keluar kewangan haram dalam lingkungan RM888 bilion yang disebabkan oleh rasuah dan salah urus di antara tahun 2000 dan 2008.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang terbuka serta sistem kewangan yang sangat liberal, di mana sektor perniagaan dan isi rumah di Malaysia secara rutin dapat menjalankan pelbagai urusan niaga merentas sempadan. Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2010 ialah sebanyak RM1.17 trilion atau USD363.5 bilion, bersamaan dengan 153% daripada KDNK. Sistem ini secara keseluruhannya didukung oleh undang-undang, peraturan dan pengawalseliaan yang komprehensif yang memberikan keyakinan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, sebarang pelanggaran terhadap peraturan dan pengawalseliaan negara adalah suatu perkara yang amat serius.

2. Data urus niaga ekonomi dan kewangan Malaysia dengan dunia luar dirangkum dalam perangkaan imbalan pembayaran, yang disusun berdasarkan metodologi yang disarankan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Memandangkan jumlah urus niaga yang amat besar dengan dunia luar di samping ketiadaan data untuk barangan tertentu disebabkan oleh kesalahan perangkaan atau pindahan dana yang tidak direkodkan, maka akan ada kesalahan dan ketinggalan (*errors and omissions* - E&O) dalam imbalan pembayaran. E&O Malaysia mencatat aliran keluar sebanyak RM135.3 bilion (bersamaan dengan USD37.9 bilion) bagi tempoh 2000 hingga 2009. Jumlah E&O ini mencakupi kurang 2% daripada jumlah perdagangan Malaysia dan dalam lingkungan 5% daripada jumlah perdagangan mengikut standard yang diterima. Selain percanggahan perangkaan yang benar-benar berlaku, E&O juga mungkin mencerminkan aliran kewangan tidak direkodkan yang dijalankan melalui saluran tidak formal, yang mungkin termasuk dana yang berpunca daripada aktiviti haram.

3. Menyedari jumlah aliran keluar dana tidak direkodkan yang semakin meningkat, Bank Negara Malaysia telah menjalankan siasatan mengenai pindahan dana secara haram yang dilakukan oleh pengurup wang. Sehingga kini, sebanyak 50 lesen pengurup wang telah dibatalkan dan lapan pengurup wang dan pengarahnya telah didakwa di mahkamah dan didapati bersalah.

4. Kerjasama antarabangsa dan perkongsian maklumat dengan agensi penguatkuasaan undang-undang asing untuk tujuan perkongsian hasil risikan dan bukti bagi transaksi merentas sempadan juga telah dipertingkatkan. Beberapa rakan sejawat asing telah bekerjasama dalam pengawasan dan tindakan bersama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang tempatan bagi menjejaki destinasi akhir dana haram

berkenaan. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah menubuhkan pasukan petugas peringkat tertinggi untuk terus menyiasat perkara tersebut.

5. Sementara itu, rangka tindakan dan rangka kerja undang-undang baru untuk industri pengurusan dan pengiriman wang akan dilaksanakan pada tahun ini untuk memupuk pembangunan industri yang kukuh, menggalakkan standard tadbir urus dan amalan profesional yang baik bagi melindungi integriti industri.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEW AN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA LISAN  
Y.B. DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG ]  
TARIKH 09.03.2011 (RABU)

DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED [SEPANG] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN  
menyatakan apakah strategi Kementerian di dalam menangani masalah bekaian  
barangan keperluan harian terutama minyak masak memandangkan masalah sering  
timbul biarpun Malaysia adalah merupakan negara pengeluar utama minyak masak  
berasaskan kelapa sawit.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah dan sedang melaksanakan beberapa strategi bagi memastikan  
masalah bekaian minyak masak di pasaran tidak terus berlarutan antaranya;

---

1 menubuhkan Jawatankuasa Bekaian dan Harga bagi membincangkan isu  
bekaian dan harga antara Kementerian dan agensi yang berkaitan;

- ii) menubuh dan mengerakkan Pasukan Petugas Khas Membanteras Penyelewengan Minyak Masak Bersubsidi. Kementerian sendiri berfungsi sebagai urus setia dan dianggotai oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia (KPPK), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Penubuhan Pasukan Petugas Khas ini adalah bertujuan membincangkan dan mengawal selia isu-isu berkaitan penyelewengan minyak masak bersubsidi serta mengambil tindakan sewajarnya ke atas individu atau syarikat yang didapati melakukan penyelewengan minyak masak di pasaran mengikut Undang-undang yang dikuatkuasakan oleh agensi masing-masing;
- iii) menambah bekalan minyak masak sebanyak 14,000 m/tan pada bulan Januari sebagai menampung kekurangan sedia ada dan musim perayaan Tahun Baru Cina 2011;
- iv) mengadakan perbincangan bersama 21 pekilang penapis minyak masak bagi mendapatkan jaminan pengeluaran minyak masak mengikut kuota ditetapkan;
- v) membuat pemantauan secara fizikal terhadap bekalan minyak masak ke atas 221 pembungkus/ pemborong minyak masak bersubsidi seluruh negara bagi mengelakkan berlakunya ketirisan;
- vi) menubuhkan pasukan audit untuk mengaudit mana-mana kilang penapis/ syarikat pembungkus semula dan pemborong minyak masak bagi memastikan bekalan minyak masak bersubsidi tidak diselewangkan;
- vii) menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan di semua peringkat perniagaan meliputi di kawasan bandar dan luar bandar;

- viii) meningkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Kastam, UPP, Maritim dan PGA agar mengetatkan kawalan di pintu keluar/ masuk sempadan dan perairan negara; dan
- ix) melantik 40 koperasi sebagai pemborong/ pembekal barang-barang keperluan pengguna.

**SOALAN NO: 28**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG

TARIKH: 9 MAC 2011

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan sama ada Kementerian bersedia untuk mewajibkan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*) untuk mengimplementasikan polisi gaji minimum termasuk untuk pekerja di ladang milikan GLC.

PR-000-L42005

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) kini sedang merangka mekanisme pelaksanaan gaji minimum dan dalam proses menggubal undang-undang berkaitan gaji minimum. Rang Undang-Undang tersebut dijangka dapat

dibentangkan di Parlimen semasa Persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada bulan Jun/Julai tahun ini.

Setelah gaji minimum diumumkan dan dikuatkuasakan melalui undang-undang, semua syarikat di Malaysia termasuk Syarikat Berkaitan Kerajaan atau *Government Linked Companies* (GLC) adalah tertakluk kepada pelaksanaan gaji minimum. Melalui penguatkuasaan undang-undang tersebut, semua sektor termasuk perladangan diwajibkan melaksanakan gaji minimum kepada pekerja masing-masing.

(E>R(7>Mac-7JipiC 11)Ras...22.2.11/Liew Chin tongC42005



PEMB  
ERITA  
AN  
PERTA  
NYAA  
N  
PEWA  
N  
RAKY  
AT

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

JAWAB LISAN  
DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE  
9 MAC 2011 (RABU)  
N0.29

Datuk Halimah binti Mohd Sadique[ Tenggara ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan impak penyelarasan calendar akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari Jun ke September untuk memperkukuhkan program transformasi sector pengajian tinggi negara menerusi Fasa kedua Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah memutuskan untuk meminda kalendar akademik IPTA dengan perubahan permulaan semester pengajian kepada bulan September secara berperingkat bermula Sesi Akademik 2011/2012 melibatkan Program Pengajian Ijazah Pertama sahaja. Manakala kalendar akademik bagi Program Pengajian Lulusan SPM/Setaraf yang meliputi Program Asasi dan Diploma di IPTA menggunakan dasar sedia ada iaitu pendaftaran pelajar baru ialah pada 1 Jun 2011.

Peru bahan ini adalah selaras dengan semester yang diamalkan di luar negara yang akan memberi manfaat dari segi:

- i) menarik pensyarah terkemuka dunia untuk datang ke Malaysia bagi berkongsi kepakaran dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P), penyelidikan (R&D), inovasi serta kecemerlangan IPT;
- ii) meningkatkan bilangan dan peluang pelajar menyertai program-program pertukaran pelajar dan menggalakkan mobiliti pelajar antara IPTA tempatan dan luar negara kerana tarikh pengajian yang hampir sama;
- iii) meningkatkan mobiliti pelajar dan pensyarah di antara IPTA dan IPTS apabila kalendar akademik IPTS yang turut diselaraskan;
- iv) memberi peluang kepada pelajar membuat keputusan yang lebih tepat memandangkan keputusan permohonan kemasukan ke IPTA tempatan atau luar negara dikeluarkan dalam tempoh masa yang hampir sama. Ini dapat mengurangkan kes penarikan diri pelajar sekaligus tidak menjejaskan unjuran pengambilan pelajar IPTA tempatan; dan
- v) Kerajaan juga prihatin dan peka dengan kepelbagaian kaum di Malaysia yang mengamalkan pelbagai perayaan utama. Justeru, kalendar akademik semasa diselaraskan dengan mengambil kira agar cuti umum perayaan utama tidak bertembung dengan jadual peperiksaan semester yang ditetapkan di IPTA. Ini adalah untuk





memastikan agar pelajar dapat meraikan perayaan utama mereka tanpa gangguan.

Penyelarasan kalendar akademik ke bulan September bagi Ijazah Pertama merupakan amalan terbaik (best practices) dengan kalendar akademik IPT luar negara. Justeru KPT berpandangan pelaksanaan dasar ini berupaya memacu dan melonjakan penyertaan IPT tempatan dalam program pengantarabangsaan dengan berkesan.



NO. AUM : 28

NO. AUP : 7,V

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN ER TECK HWA (BAKRI)**

**TARIKH**

**9 MAC 2011**

**RUJUKAN**

**3345**

**SOALAN :**

Tuan Er Teck Hwa (Bakri) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pampasan dan subsidi untuk anggota RELA yang melibatkan diri dalam membantu semasa banjir di Daerah Muar pada Februari 2011 memandangkan bahawa mereka perlu mengeluarkan wang sendiri untuk membeli petrol untuk bot penyelamat dan tanpa apa-apa bantuan kewangan dan subsidi harian.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bakri yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah anggota Rela yang terlibat membantu menyelamatkan mangsa banjir di daerah Muar pada 3 Februari hingga 10 Februari 2011 sejumlah 134 orang anggota. Anggota Rela yang bertugas dibayar elaun sebanyak RM 32.00 sehari iaitu kadar yang telah ditetapkan oleh kerajaan sebanyak RM 4.00 sejam. Walaubagaimanapun terdapat juga 2 orang anggota Rela yang dikenal pasti melibatkan diri secara sendirian membantu menyelamatkan mangsa banjir dengan bot mereka sendiri. Mereka telah menuntut sebanyak RM 250.00 bagi kos perbelanjaan minyak petrol. Berdasarkan peraturan kewangan, pihak Rela tidak dapat membayar tuntutan tersebut. Walaubagaimanapun di atas faktor kebajikan, pihak Rela berusaha untuk membayar segera tuntutan anggota berkenaan dengan menggunakan sumber-sumber kewangan yang lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**BAGI JAWAB LISAN**

**DATUK SAPAWI BIN HAJI  
AHMAD [SIPITANG]**

**TARIKH**

**9 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**31**

**Datuk Sapawi Bin Haji Ahmad [Sipitang]** minta **MENTERI  
PENGANGKUTAN**

menyatakan sejauh manakah perkembangan usaha-usaha menjadikan Lapangan Terbang Kota Kinabalu sebagai hab sebelah oleh kedua-dua syarikat penerbangan MAS dan AirAsia.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, MAS sangat komited dalam membangunkan Kota Kinabalu sebagai "*Eastern hub*" yang menghubungkan pelancong ke negara Australia, Taiwan, Jepun dan Korea Selatan. Perkembangan terbaru MAS dalam membangunkan *Eastern hub-nya* adalah dengan pengenalan laluan baru iaitu Kota Kinabalu - Perth pada bulan Januari 2011 yang lalu.

Selain daripada Perth, MAS turut mengadakan penerbangan antarabangsa daripada Kota Kinabalu ke destinasi-destinasi seperti Haneda dan Osaka di Jepun, Seoul, Korea Selatan serta Taipei dan Kaohsiung di Taiwan.

Dalam masa yang sama, Firefly, sebuah anak syarikat MAS, juga telah memulakan penerbangan bagi laluan Kuala Lumpur - Kota Kinabalu dengan kekerapan sebanyak 3 kali seminggu bermula 15 Januari 2011.

Manakala, AirAsia telah memperkenalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebagai habnya mulai tahun 2006. Dalam hubungan ini, AirAsia telah mengadakan penerbangan ke 12 destinasi domestik dan antarabangsa dari lapangan terbang ini. Di antara destinasi-destinasi antarabangsa yang disediakan oleh AirAsia adalah Hong Kong, Shenzen, Clark, Singapore dan Taipei.

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B TUAN MANICKAVASAGAM A/L  
SUNDARAM  
[KAPAR]**

**TARIKH 09 MAC 2011**

#### SOALAN:

**Y.B Tuan Manickavasagam A/L Sundaram minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah pemilih antara 21 hingga 30 tahun yang belum mendaftar mengikut umur, kaum dan juga jantina.**



**NO.SOALAN :**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun dan ke atas bagi daftar pemilih terkini sehingga Suku Tahun Ketiga Tahun 2010 (ST3/2010) yang telah mendaftar dan belum mendaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia sehingga 7 Februari 2011 mengikut negeri dan pecahan kaum adalah seperti dalam Jadual 1 yang dilampirkan.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia tidak mempunyai maklumat warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun hingga 30 tahun tetapi masih belum mendaftar sebagai pemilih mengikut pecahan umur dan jantina.

Sekian, terima kasih.



**JADUAL 1**  
 STATISTIK WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERUMUR 21 TAHUN DAN KE ATAS YANG TELAH MENDAFTAR DAN BELUM MENDAFTAR DENGAN SPR.  
 (DAFTAR PEMILIH TERKINI1 SUKU 3/2010)

BIL	NEGERI	MELAYU			CINA			INDIA			B/P SABAH			B/P SARAWAK			ORANG ASLI			LAIN-LAIN			JUMLAH KESELURUHAN		
		REKOD JPN	REKOD SPR	JUMLAH BELUM MENDAFTAR	REKOD JPN	REKOD SPR	JUMLAH BELUM MENDAFTAR	REKOD JPN	REKOD SPR	JUMLAH BELUM MENDAFTAR	REKOD JPN	REKOD SPR	JUMLAH BELUM MENDAFTAR	REKOD JPN	REKOD SPR	JUMLAH BELUM MENDAFTAR	REKOD JPN	REKOD SPR	JUMLAH BELUM MENDAFTAR	REKOD JPN	REKOD SPR	JUMLAH BELUM MENDAFTAR	REKOD JPN	REKOD SPR	JUMLAH BELUM MENDAFTAR
1	PERUS	127,476	103,512	23,964	19,524	14,486	5,038	2,226	1,974	252	117	126	-9	121	270	-149	2	12	-10	4,322	2,763	1,559	163,788	123,143	30,646
2	KEDAH	886,054	692,491	193,563	209,433	145,396	64,037	85,055	61,519	23,536	821	495	326	742	727	15	151	113	38	21,334	12,329	9,005	1,203,690	913,070	290,620
3	KELANTAN	937,867	754,920	182,947	42,331	31,958	10,373	2,940	2,819	121	375	402	-27	416	570	-154	5,494	4,020	1,474	13,808	6,239	7,569	1,003,231	800,928	202,303
4	TERENGGANU	605,402	540,464	64,938	22,127	21,322	805	1,491	1,617	-126	400	269	131	470	261	209	344	309	35	3,026	742	2,284	633,260	564,984	68,276
5	PULAU PINANG	319,150	252,415	66,735	506,035	411,567	94,468	111,884	81,155	30,729	1,377	460	917	646	389	257	18	18	0	5,443	2,579	2,864	944,663	748,683	196,970
6	PERAK	780,310	593,424	186,886	630,238	499,251	130,987	203,559	147,770	55,789	1,904	1,158	746	2,034	2,080	-46	25,299	19,543	5,756	13,219	3,714	9,505	1,656,663	1,266,940	389,623
7	PAHANG	581,574	441,210	140,364	172,647	143,929	28,718	37,493	31,125	6,368	987	655	332	936	1,224	-288	32,116	20,184	11,932	6,358	1,615	4,743	832,111	639,942	192,169
8	SELANGOR	1,114,497	841,439	273,058	887,024	587,942	299,082	390,164	244,873	145,291	15,057	3,405	11,652	7,562	2,350	5,212	9,018	5,343	3,675	40,019	10,239	29,780	2,463,341	1,696,691	767,760
9	W.P KUALA LUMPUR	447,064	240,528	206,536	529,255	384,283	144,972	116,848	74,031	42,817	12,612	2,150	10,462	13,105	2,486	10,619	551	109	442	20,075	5,438	14,637	1,139,610	709,026	430,486
10	W.P PUTRAJAYA	15,576	7,833	7,743	294	99	195	505	302	203	208	42	166	88	22	66	9	3	6	101	28	73	16,781	8,329	8,462
11	NEGERI SEMBILAN	327,836	249,134	78,702	192,370	157,141	35,229	100,092	73,033	27,059	1,352	936	416	1,233	1,561	-328	5,314	5,003	311	4,948	1,710	3,238	633,146	488,618	144,627
12	MELAKA	269,853	221,797	48,056	167,034	137,461	29,573	32,274	25,323	6,951	1,377	1,019	358	1,187	1,595	-408	715	514	201	5,228	2,316	2,912	477,668	390,026	87,643
13	JOHOR	1,009,895	731,781	278,114	779,766	563,276	216,490	137,928	92,969	44,959	8,089	2,415	5,674	12,077	3,013	9,064	4,271	2,677	1,594	18,329	3,224	15,105	1,970,366	1,399,366	671,000
14	W.P LABUAN	8,716	7,747	969	7,885	5,276	2,609	481	368	113	13,422	7,013	6,409	563	378	185	0	1	-1	2,068	590	1,478	33,136	21,373	11,762
15	SABAH	130,378	120,029	10,349	199,048	153,070	45,978	4,090	3,032	1,058	732,384	516,500	215,884	7,753	5,189	2,564	62	67	-5	83,989	39,851	44,138	1,157,704	837,738	319,966
16	SARAWAK	275,466	186,742	88,724	456,375	324,903	131,472	3,079	1,766	1,313	6,263	3,930	2,333	683,804	452,550	231,254	50	426	-376	6,927	1,419	5,508	1,431,964	971,736	460,228
	JUMLAH	7,837,114	5,985,466	1,851,648	4,821,386	3,581,360	1,240,026	1,230,109	843,676	386,433	796,745	540,975	255,770	732,737	474,665	258,072	83,414	58,342	25,072	249,194	94,796	154,398	15,750,699	11,679,280	4,171,419

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

SOALAN MO: 33

DEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
DARI PADA DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON [  
TANGGA BATU]

TARIKH

8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah rasionalnya melantik seorang yang bukan warganegara sebagai pemegang jawatan penting dan kritikal di dalam syarikat telekomunikasi negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan pegawai ekspatriat atau pegawai dagang adalah satu langkah strategik bagi Telekom Malaysia untuk terus berdaya saing di dalam industri telekomunikasi negara yang mempunyai persaingan yang sengit. Pegawai ekspatriat mempunyai pengalaman yang luas berkhidmat di dalam industri telekomunikasi global dan pelantikan pegawai ekspatriat adalah sejajar dengan usaha untuk menjadikan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) lebih berdaya saing dan kompetitif. Pelancaran Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi pada

SOALAN NO: 33

**24 Mac 2010 adalah bukti keberkesanan dasar pengambilan dan pembangunan kepakaran TM yang berterusan. Sehingga kini seramai tiga (3) orang pegawai ekspatriat warga asing berkhidmat dengan Telekom Malaysia.**

PEMBERITAHU

PERTANYAAN

PERTANYAAN  
DERIVAN  
DARIPADA

RAKYAT

**LISA  
ANWAR BINTI  
MB PUAN PUAN NURUL IZZAH  
(LEMBAH  
PANTAI)**

**TARIKH**

**09.03.20**

**11**

**(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan dengan merujuk kepada kenyataan TLDM dalam BERNAMA bertarikh 6 Ogos 2010, apakah usaha dan jumlah program penjimatan kewangan yang berjaya dicapai daripada tahun 2005-2010.**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**ATM amnya dan TLDM k nya sentiasa mengamalkan perbelanjaan secara berhemah di dalam setiap urusan yang melibatkan operasi, latihan, logistik dan pentadbiran. Merujuk kepada soalan yang dikemukakan, TLDM menerusi program Perbelanjaan Secara Berhemah telah melaksanakan beberapa inisiatif yang mampu menjimatkan kos operasi, namun dalam masa yang sama tidak mengkompromi soal keselamatan negara. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan menggabungkan beberapa siri latihan di antara Markas-markas Wilayah Lautnya. Sebelum ini, setiap Markas Wilayah Laut akan melaksanakan latihan kemahirannya secara**

**bersendirian sebanyak tiga kali setahun.**

**Namun, bagi menjimatkan kos perbelanjaan dan memberikan pendedahan yang seimbang di antara semua Markas Wilayah Lautnya, latihan kemahiran ini hanya dilaksanakan sekali setahun dan melibatkan aset-aset daripada semua Markas Wilayah Laut serta turut melibatkan aset-aset dari TUDM sebagai elemen sokongan. Latihan ini dirancang, dilaksana dan dikoordinasikan dengan teliti oleh Markas Armada di Pangkalan TLDM Lumut agar tiada pembaziran berlaku. Ianya juga berfungsi sebagai serampang dua mata kerana selain dari melaksanakan latihan, aset-aset TLDM ini turut menunjukkan kehadiran (*show of presence*) di Kawasan Operasi Maritim (KOM) TLDM dan dalam masa yang sama berjaya mewujudkan keupayaan cegah rintangan (*deterrence*).**

NO SOALAN : 34

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN  
RAKYAT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI**

**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**  
**LISAN**  
**PERTANYAAN**  
**DARIPADA :** **TUAN TENG BOON SOON**  
**[TEBRAU]**  
**TARIKH** **9** **MAC**  
**SOALAN** **2011**

Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membendung penjualan barang- barang palsu dan toksid (toxic) termasuk makanan dari barangan perubatan buatan asing dan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Ubat-ubatan palsu yang sering ditemui dalam serbuan atau pemeriksaan oleh Bahagian Penguatkuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah terdiri daripada ubat-ubatan yang tidak didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, KKM atau ubat-ubatan yang didaftarkan tetapi telah dicampurpalsu (*adulterated*) dengan bahan-bahan asing selain yang diikrarkan semasa pendaftaran seperti bahan-bahan terkawal.

Pemilikan dan penjualannya adalah melanggar peruntukan di bawah Peraturan- peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan sabit kesalahan pesalah boleh denda RM25.000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali bagi seseorang individu dan denda

**RM50.000 bagi sesebuah syarikat.**



Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengawal penjualan ubat-ubatan palsu adalah seperti berikut:

1. Mewajibkan semua ubat berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. Mewajibkan semua bungkusan ubat dilabel dengan nombor pendaftaran dan hologram.
3. Pengguna boleh memastikan ketulenan hologram dengan menggunakan hologram decoder yang telah diagihkan kepada premis-premis farmasi.
4. Meneruskan Kempen “Kenali Ubat Anda” bagi mengurangkan permintaan orang ramai kepada ubat-ubatan palsu atau ubat-ubatan tiruan.
5. Pegawai Penguatkuasa Farmasi secara terus menerus membuat pemantauan pasaran, risikan dan seterusnya serbuan serta rampasan.

Jumlah rampasan ubat-ubatan palsu oleh Bahagian Penguatkuasa Farmasi KKM, mengikut tahun, nilai rampasan dan bilangan perkara ubat dirampas serta denda mahkamah adalah seperti berikut:

Tahun	Milai Rampasan Bil	angan Perkara Ubat D	3nda
2006	RM 7.8 Juta	28,018	RM952,000.00
2007	RM 29.3 Juta	21,223	RM986,550.00
2008	RM 7.4 Juta	20,437	RM1,133,890.00
2009	RM 10.2 Juta	19,720	RM1,560,870.00
2010	RM 24.1 Juta	29,723	RM2,034,930.00

Bahagian Penguatkuasa Farmasi juga menjalankan operasi bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam membanteras penjualan ubat-ubatan palsu di mana KPDNKK boleh mengambil tindakan dengan hukuman yang lebih berat iaitu kesalahan penjualan ubat tiruan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 ialah denda maksimum

RM 100,000 bagi seseorang individu bagi kesalahan pertama dan denda RM200.000 bagi kesalahan berikutnya, dan denda maksimum RM250,000 bagi sesebuah syarikat bagi kesalahan pertama dan denda RM500.000 bagi kesalahan berikutnya.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi memastikan makanan yang dijual di negara ini adalah selamat daripada dicemari oleh bahan toksik, Kementerian Kesihatan melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan menyediakan pelan aktiviti keselamatan dan kualiti makanan pada setiap tahun. Pelan ini merangkumi aktiviti pemeriksaan premis makanan dan persampelan makanan yang perlu dijalankan di peringkat negeri dan daerah. Dalam melaksanakan kedua-dua aktiviti tersebut, pendekatan berasaskan risiko digunakan di mana aktiviti lebih tertumpu kepada makanan atau premis makanan yang boleh menjejaskan kesihatan orang ramai. Susulan daripada aktiviti persampelan makanan dan pemeriksaan premis makanan, tindakan penguatkuasaan yang berkaitan akan diambil jika terdapat pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Bagi memastikan keselamatan produk makanan yang diproses di kawal di peringkat punca, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 menghendaki semua kilang makanan melaksanakan program jaminan keselamatan makanan seperti *Good Manufacturing Practice (GMP)* dan *Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP)*. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan telah melancarkan Skim Keselamatan Makanan 1 Malaysia (SK1M) pada 8 November 2010 untuk membantu pihak industri makanan khususnya enterpris kecil dan sederhana (EKS) melaksanakan program jaminan keselamatan makanan sebagai platform ke arah mencapai tahap pensijilan GMP atau HACCP yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Bagi makanan import, kawalan rapi dijalankan di peringkat pintu masuk dengan menggunakan Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FoSIM). Pemeriksaan makanan di bawah FoSIM dilaksanakan berasaskan risiko di mana ia dibahagikan kepada enam (6) jenis tahap pemeriksaan. Makanan yang melanggar undang-undang perlu melalui proses Tahan-Uji-Lepas pada Pemeriksaan Tahap 5 bagi konsainmen berikutnya. Berdasarkan keputusan ujian makmal, produk yang

mematuhi kehendak undang-undang akan dibenarkan masuk sementara produk yang melanggar undang-undang akan dilupuskan atau dieksport semula ke negara asalnya.

Selain itu, Kementerian Kesihatan sentiasa mengalu-alukan aduan daripada orang ramai berhubung isu-isu keselamatan makanan di mana aduan boleh dibuat sama ada kepada Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan di Putrajaya. Aduan juga boleh dibuat melalui laman sesawang <http://fsq.moh.gov.my>. Siasatan akan dibuat bergantung kepada isu yang diadukan dan tindakan penguatkuasaan yang berkaitan akan diambil jika aduan tersebut terbukti benar.

Kementerian Kesihatan ingin menekankan bahawa di samping kerjasama daripada orang ramai, kerjasama erat pihak industri adalah amat penting untuk memastikan produk makanan yang dihasilkan adalah selamat dan mematuhi kehendak undang-undang.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB PUAN HAJAH ZURaida BINTI  
KAMARUDDIN (AMPANG )

TARIKH

9 MAC 2011 ( RABU )

SOALAN

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (Ampang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan dengan merujuk kepada jawapan bertulis yang diberi kepada soalan Ampang bertarikh 13 Disember 2010, adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan suatu sistem sokongan buat pemerdayaan dan memelihara kebajikan wanita muda lepasan

SOALAN NO. 37

graduan, ibu muda bagi membantu mereka menghadapi tekanan kenaikan harga barang yang berlaku kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagai Kerajaan yang mengutamakan rakyat, kesan kenaikan harga barang yang sedikit sebanyak menjejaskan kualiti hidup rakyat termasuk wanita muda lepasan institusi pengajian tinggi dan ibu muda mendapat perhatian serius Kerajaan. Antara langkah yang diambil bagi mengurangkan impak fenomena ini adalah seperti berikut: (i) menggalakkan golongan wanita menyertai aktiviti ekonomi melalui program keusahawanan dengan mensasarkan 4,000 orang usahawan wanita dilahirkan pada tahun 2012. Sehubungan itu, bermula bulan Januari 2009



hingga bulan September 2010 seramai 4,550 orang usahawan wanita telah berjaya dilatih melalui Sub NKRA meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan rendah. Daripada jumlah tersebut, seramai 2020 (44.3%) wanita telah berjaya menjadi usahawan yang rata-rata memperoleh pendapatan sebanyak RM3,500 sebulan dengan menjalankan perniagaan seperti berniaga kedai runcit secara kecil-kecilan, katering dan jahitan; melatih golongan wanita, termasuk ibu-ibu muda dalam bidang pengasuhan kanak-kanak bagi membolehkan mereka memberi perkhidmatan penjagaan anak di rumah. Dalam hal ini, seramai 347 orang daripada 418 orang wanita yang dilatih telah berjaya memulakan TASKA di rumah dengan memperoleh pendapatan antara RM800 hingga RM2,000 sebulan;

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) pula menjalankan seminar "*Entering the Corporate World*" kepada graduan wanita bagi menyediakan mereka untuk memasuki dunia pekerjaan. Seminar tersebut memfokuskan kepada aspek pembentukan imej dan personaliti diri, motivasi serta persiapan mental dan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi cabaran dunia korporat; menggubal dan meluluskan Peraturan Kerja Separa Masa (*Part Time Regulations*) yang memberi fleksibiliti dan beberapa faedah kepada mereka yang berminat untuk bekerja tetapi bukan secara sepenuh masa. Peraturan ini boleh dimanfaatkan oleh golongan ibu muda dan wanita muda lepasan institusi pengajian tinggi yang ingin bekerja separuh masa; menyediakan pelbagai insentif dan bantuan mikro kredit bagi menggalakkan wanita menceburi bidang perniagaan. Antaranya ialah Skim Pembangunan Francais Wanita (di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan) yang memberi bantuan pembiayaan sehingga

RM500.000 dan Skim Bantuan Khas Untuk Usahawan Wanita (di bawah SME Corp, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) yang memberikan pinjaman mudah sehingga RM1 juta bagi pembiayaan sesuatu perniagaan. Skim bantuan kewangan ini boleh dimanfaatkan oleh lepasan graduan muda; dan

(vi) manakala di bawah inisiatif Program Tranformasi Ekonomi (ETP), salah satu langkah polisi (policy measure) yang diperkenalkan ialah mengoptimumkan bakat wanita untuk meningkatkan produktiviti (*leveraging women's talent to increase productivity*). Satu makmal sedang dijalankan bagi mengenai pasti tindakan-tindakan berkesan untuk menarik golongan wanita terutama wanita muda lepasan institusi pengajian tinggi ke dalam pasaran pekerjaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi membantu golongan ibu muda dan wanita muda lepasan institusi pengajian tinggi menghadapi kesan kenaikan harga barang, JPW dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Bank Negara Malaysia melaksanakan program-program pengurusan kewangan dan kepenggunaan bagi membolehkan wanita merancang dan menguruskan kewangan dengan bijak.

Pada tahun 2011, usaha ini akan digiatkan lagi menerusi kerjasama JPW - Amanah Raya Berhad dan JPW - Kumpulan Maybank bagi melaksanakan program pengurusan harta dan program pengurusan kewangan peribadi dan kewangan keluarga.

Tuan Yang Di Pertua,

Tanggungjawab menyediakan sistem sokongan bagi meringankan kesan kenaikan

harga barang kepada golongan wanita muda lepasan institusi pengajian tinggi dan ibu muda bukanlah semata-mata tugas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Syarikat-syarikat korporat dan swasta hendaklah turut serta dalam usaha ini sebagai pelengkap kepada inisiatif yang diterajui oleh Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN                    LISAN**  
**DARIPADA :                DATO'SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE**  
**[SETIAWANGSA]**  
**TARIKH                        9 MAC 2011**  
**SOALAN**

**DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE [SETIAWANGSA] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah strategi yang akan digunapakai oleh Kementerian dalam pelaksanaan kaedah biologi untuk menangani pembiakan nyamuk *Aedes* dan demam denggi di kawasan-kawasan manakah kaedah ini dilaksanakan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit Demam Denggi yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan adalah menggunakan strategi secara bersepadu iaitu menggunakan kawalan secara kimia, kawalan secara biologi, kawalan alam sekitar, pendidikan kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang.**

**Kawalan secara biologi bermaksud "penggunaan pemangsa, parasit atau patogen untuk mengawal vektor ". Di dalam konteks pencegahan dan kawalan jentik-jentik *Aedes* menggunakan kawalan biologi, Kementerian**



**Kesihatan melaksanakan 2 strategi iaitu penggunaan ikan pemangsa (larvivorous fish) iaitu ikan guppy (*Poecilia reticulata*) dan bakteria *Bacillus thuringiensis israelensis* (*Bti*). *Bti* akan menghasilkan protein yang dikenali sebagai protoxin dan apabila protoksin ini di makan oleh jentik-jentik nyamuk, ia akan mengeluarkan toksin aktif yang akan menyebabkan keracunan dan akhirnya mengakibatkan jentik-jentik mati dalam tempoh 2-24 jam. Kawasan yang sesuai untuk penggunaan agen biologi *Bti* adalah seperti**



kawasan pembuangan sampah sarap haram, takungan air dalam semak, kawasan projek terbengkalai, tapak bina serta kawasan pelupusan barang-barang terpakai.

Ikan pemangsa guppy yang memakan jentik-jentik *Aedes* digunakan di dalam bekas takungan air kekal yang besar di tapak bina, kolam air di pusat ibadat serta kolam-kolam air di taman rekreasi, taman hiasan di rumah persendirian atau pejabat-pejabat. Kawalan secara biologi mempunyai kelebihan iaitu ia adalah spesifik untuk organisma yang hendak dikawal serta tidak menyebabkan pencemaran alam sekitar. Walaubagaimana pun dari segi pelaksanaan *Bti* perlu disembur untuk setiap 2 minggu di sesuatu kawasan bagi memastikan keberkesanannya. Kaedah ini digunakan oleh Kementerian Kesihatan terutamanya di kawasan 'hotspots' dan lokaliti wabak Denggi dan ianya telah berjaya menurunkan kadar pembiakan *Aedes* dan seterusnya menghentikan kejadian kes denggi di lokaliti tersebut.

Walaubagaimana pun, Kementerian Kesihatan ingin menekankan bahawa penglibatan masyarakat dan pelbagai agensi dalam aktiviti memusnahkan tempat-tempat pembiakan serta menjaga kebersihan persekitaran adalah amat penting. Aktiviti menghapuskan tempat pembiakan ini perlu dilakukan setiap minggu dan secara berterusan kerana risiko penularan denggi berkait rapat dengan indeks pembiakan *Aedes*. Tiada *Aedes*, tiada denggi.

**NO. AUM : 30**

**NO. AUP :**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)**

**TARIKH : 9 MAC 2011**

RUJUKAN : 3346

SOALAN:  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
DEWAN RAKYAT

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan syarikat keselamatan, kawasan berpagar (*gated community*), dan kawasan keselamatan atau kawasan kejiranan (*guarded neighbourhood*) serta bilangan pengawal di negara ini. Nyatakan bilangan pengawal yang dilatih dan negara-negara asalnya serta sumbangannya kepada pencegahan jenayah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sehingga 23 Februari 2011 jumlah syarikat kawalan keselamatan yang berdaftar dengan Kementerian adalah sebanyak 513 syarikat dan jumlah pengawal keselamatan yang sedang berkhidmat adalah seramai 150,000 orang. Daripada jumlah pengawal keselamatan yang saya nyatakan itu, seramai 78,926 telah menjalani latihan asas dengan pecahan 77,853 adalah terdiri daripada warga tempatan dan 1,073 adalah warganegara Nepal.

Tuan Yang Di-Pertua,

Setakat ini, Kementerian hanya membenarkan warganegara Nepal yang terdiri dari bekas tentera sahaja yang untuk berkhidmat sebagai pengawal keselamatan secara kawalan statik.

Sebagai pengawal keselamatan, kehadiran mereka juga secara tidak langsung dapat mewujudkan keadaan dan persekitaran yang selamat kepada orang awam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[Kinabatangan]

TARIKH 9 MAC 2011 (RABU)

SOALAN

Y.B. Datuk Bung Moktar Bin Radin (Kinabatangan) minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang langkah-langkah menangani kemasukan pendatang asing tanpa izin terutama di negeri Sabah yang mempunyai keluasan perairan sempadan Negara.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, kawasan perairan negeri Sabah adalah sempit dan berhampiran dengan pulau-pulau negara Filipina menyukarkan kerajaan mengawal kemasukan rakyat dari negara jiran terutama daripada negara Filipina.

Sejak tahun 2000, Angkatan Tentera Malaysia telah melaksanakan Ops. Pasir di negeri Sabah terutama di kawasan Pantai Timur Sabah seperti di Pulau Berhala Sandakan, Pulau Mabul dan Sipadan untuk mengawasi

pencerobohan penganas dari kumpulan militan selatan Filipina daripada mencerobohi perairan Malaysia.

Pada tahun 2008 dan 2009, kerajaan telah melaksanakan Operasi Bersepadu di Pantai Barat dan Timur Sabah yang melibatkan semua agensi penguatkuasaan ke atas Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Operasi tersebut telah dilaksanakan sebanyak 69 siri di seluruh daerah Pantai Timur Sabah. Operasi Bersepadu ini diteruskan pada tahun 2010 bagi seluruh negeri Sabah dengan 24 siri lagi.

Disamping itu juga, Kerajaan telah menjalankan Operasi Harian menangkap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di seluruh negeri Sabah iaitu purata kemasukan ke Pusat Tahanan Sementara (PTS) seramai 60 orang sehari.

Di sepanjang Pantai Timur Sabah, Kerajaan juga telah menempatkan Pasukan Angkatan Tugas Bersama (ATB) di pulau-pulau di negeri Sabah bagi mengawasi kemasukan PATI dan pasukan ini telah dilengkapi dengan radar bagi meningkatkan pengawasan di sepanjang perairan negeri Sabah.

Kerajaan juga telah menempatkan Angkatan Tentera Laut (TLDM) untuk menjaga di kawasan perairan antarabangsa termasuk Pantai Timur Sabah. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) turut dioperasikan bagi mengawal pantai Malaysia termasuk kawasan perairan Sabah.

Semua pintu masuk rasmi (*entry point*) dikawal oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi mengawasi pergerakan keluar dan masuk orang asing ke negeri Sabah. Walau bagaimanapun, terdapat juga pendatang asing daripada pelbagai negara terutama negara jiran yang masuk ke negeri ini secara sah tetapi kemudiannya mereka ini telah tinggal melebihi tempoh masa yang dibenarkan (*overstay*) dan kemudiannya menjadi (PATI) Pendatang Asing Tanpa Izin.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHU**  
**AN**  
**PERTANYAAN**  
**PEWAN**  
**RAKYAT**

**SOALAN 41**

**PERTANYAAN**

**LISA  
N**

**DARIPADA**

**Y.B. DATO' HAJI TAJUDDIN BIN**

**ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]**

**TARIKH**

**9 MAC 2011**

**SOALAN**

**MEMINTA MENTERI PELANCONGAN**

**menyatakan:**

Mengapa Kementerian tidak memanfaatkan sepenuhnya bahan-bahan sejarah di Pasir Salak sebagai produk pelancongan dalam dan luar negara.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan menghargai perhatian Y.B. Pasir Salak untuk memajukan Pasir Salak sebagai satu lokasi pelancongan bersejarah, bukan sahaja di Perak malah di seluruh negara.

Ahli Yang Berhormat,

Menyedari kepentingan dan potensi kawasan Kompleks Sejarah Pasir Salak dan bahan-bahan sejarah di Pasir Salak, Kementerian Pelancongan telah memanfaatkan sepenuhnya bahan-bahan sejarah di Pasir Salak sebagai salah produk pelancongan di negeri Perak.

Bagi tujuan tersebut, Kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM500,000 di bawah Pakej Ransangan Ekonomi Ke-2 untuk menaik taraf Kompleks Sejarah Pasir Salak untuk keselesaan dan menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negeri. Antara komponen projek tersebut termasuklah menaik taraf landskap, papan tanda setiap bangunan atau monumen, tandas, pondok tiket, ruangan pameran di terowong sejarah dan membaik pulih Jam Matahari. Projek menaik taraf kompleks tersebut telah siap sepenuhnya pada 12 Mac 2010.

Jabatan Muzium Negeri Perak adalah badan yang bertanggungjawab dalam operasi kompleks ini.

Sebagai tambahan, Kementerian ini melalui Tourism Malaysia Negeri Perak pada 2009 telah bekerjasama dengan Majalah Pelancongan Gaya Travel Nusantara untuk mempromosikan kompleks tersebut. Manakala, pada tahun 2010, Tourism Malaysia Negeri Perak telah bekerjasama dengan agensi pelancongan Isky Travel & Tour melancarkan Pakej Jejak Taming Sari yang turut melibatkan beberapa kawasan di Perak Tengah dimana salah satu destinasi di dalam pakej ini adalah Kompleks Sejarah Pasir Salak. Sebagai tambahan usaha promosi, maklumat mengenai Kompleks Sejarah Pasir Salak ini turut dimuatkan di dalam laman web Tourism Malaysia dan web Pelancongan Negeri Perak.

**NO. AUP**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN :</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN AMRAN BIN AB GHANI</b> <b>[ TANAH MERAH ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>9 MAC 2011</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>3532</b>

**SOALAN:**  
**PERTANYAAN**

Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan menabalkan Sultan Kelantan di Ketereh oleh pemimpin UMNO Kelantan dahulu tidak tergolong dalam perbuatan menghina Sultan Kelantan yang sedia ada. Kenapakah individu tersebut bebas dan kebal dari hukuman dan Akta Hasutan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Tanah Merah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, mana- mana orang perseorangan, kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai kecenderungan menghasut melalui perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan dan sebagainya boleh diambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948. Oleh yang demikian, tiada sesiapa pun yang terkecuali atau boleh mengatasi undang-undang seperti mana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Seksyen 3 Akta Hasutan 1948, terdapat banyak kriteria yang perlu dibuktikan sebelum sesuatu pernyataan atau perbuatan

boleh dianggap sebagai hasutan. Meskipun wujud tanggapan awam bahawa kecenderungan untuk menghasut dilakukan oleh seseorang individu dalam sesuatu kes, perkara tersebut hanyalah tanggapan atau persepsi umum terhadap isu berkenaan. Setiap siasatan oleh pihak polis adalah berdasarkan kepada kehendak undang-undang. Sekiranya didapati kes berkenaan tidak memenuhi kehendak undang-undang, maka pendakwaan tidak boleh dibuat terhadap individu atau kumpulan tersebut.

**PERTANYAAN**

**Soalan No :**

**43 PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN  
ONN (ALOR GAJAH)**

**TARIKH**

**09.03.2011**

**SOALAN:**

Y.B. **TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ ALOR GAJAH ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk menjamin kanak-kanak yang tak mempunyai dokumen kebangsaan yang mencukupi seperti Lee Ching Chen untuk diberikan pendidikan yang sepatutnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil langkah sewajarnya dalam usaha menangani masalah kanak-kanak tanpa dokumen. Sehubungan itu, KPM melalui Surat Pekeliling Ikhtisas 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 telah mengeluarkan arahan bahawa mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen dan salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara, boleh didaftarkan sebagai murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan setelah mendapat surat pengesahan atau surat perakuan daripada Ketua Kampung. Manakala bagi kanak-kanak yang bukan warganegara pula, walaupun kanak-kanak tersebut tidak dibenarkan mengikuti pendidikan di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, pada masa ini KPM telah memutuskan dasar pendidikan alternatif kepada Kanak-kanak tersebut. Pengiibatan pelbagai agensi dan NGO dalam membantu menjayakan pendidikan alternatif amat diharapkan.

Berhubung dengan isu kanak-kanak yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, KPM mengharapkan isu ini dirujuk kepada Jabatan Pelajaran Negeri berkaitan agar KPM boleh meneliti status kanak-kanak tersebut sama ada boleh diterima masuk ke sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan ataupun dicadangkan mendapat pendidikan alternatif.

Rjm 04

No. Soalan : 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM**

**TARIKH 9 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menangani masalah kesesakan jalan raya di bandar-bandar besar di negara kita, khususnya di Lembah Klang.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat akan merangka Dasar Pengangkutan Awam Kebangsaan yang akan menetapkan visi untuk pembangunan pengangkutan awam

dan mengenalpasti kawasan-kawasan yang akan diberi keutamaan dalam pembangunan tersebut.

Lembah Klang akan menjadi kawasan tumpuan pertama dan SPAD akan merangka Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Lembah Klang yang siap bulan September 2011. Pelan induk ini akan mengenalpasti inisiatif-inisiatif jangkamasa pendek, pertengahan dan panjang untuk memenuhi keperluan pengangkutan awam penduduk Lembah Klang dan membolehkan objektif-objektif NKEA Greater KL/Lembah Klang dicapai.

Dalam jangkamasa pendek, SPAD akan memastikan inisiatif-inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk pengangkutan awam Bandar dilaksanakan. Antara inisiatif-inisiatif tersebut adalah transformasi perkhidmatan bas di Lembah Klang dengan penambahbaikan jajaran bas, penambahbaikan perhentian bas, serta pelaksanaan lorong bas, laluan khas bas (Bus Rapid Transit) dan Bus Expressway Transit. Lain-lain inisiatif-inisiatif NKRA adalah tiket pintar bersepadu, piawai prestasi perkhidmatan, integrasi terminal dan stesen dan penguatkuasaan undang-undang.

NO. SOALAN: ^

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** YB DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM]

**TARIKH** 9 MAC 2011 [ RABU ]



## SOALAN

YB Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah sekolah atau Maahad Tahfiz milik Kerajaan dan persendirian yang ada di seluruh negara dan nyatakan langkah pemantauan bagi memastikan mutu pembelajaran dan kebajikan pelajar dapat dipastikan.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah sekolah atau maahad tahfiz yang terdapat di seluruh Malaysia mengikut pecahan milik kerajaan dan persendirian adalah seperti berikut:

a)		1 buah
Maahad Tahfiz milik Kerajaan Persekutuan		
b)	{	3 buah
Maahad Tahfiz milik Kerajaan Persekutuan yang diakreditasi oleh Kementerian Pendidikan		
b)		29 buah
Maahad Tahfiz milik Kerajaan Negeri		250 buah
c)		<u>283 buah</u> Jumlah
Maahad Tahfiz milik persendirian(berdaftar)		

Berhubung dengan langkah pemantauan, JAKIM menerusi institusi pendidikannya Darul Quran menjalankan program penaziran akademik ke atas Maahad Tahfiz Quran Negeri (MTQN) khususnya bagi MTQN yang mempunyai memorandum persefahaman (Moll) dengan Darul Quran (DQ) sebanyak dua kali setahun. Setakat ini, 12 MTQN yang telah mengadakan Moll dengan DQ. Penaziran ini bertujuan bagi memastikan sistem pengajian yang dijalankan oleh pihak MTQN menepati piawai kualiti dan standard yang ditetapkan, selain mengambilkira aspek kemudahan dan infrastruktur yang disediakan.

Bagi institusi tahfiz persendirian yang tidak menawarkan sijil yang diiktiraf oleh kerajaan, pihak DQ telah mewujudkan program khas yang dinamakan Sijil Tahfiz Malaysia bagi membolehkan graduan tahfiz yang menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran mendapat Sijil Tahfiz yang diiktiraf dan membolehkan mereka berkhidmat di sektor awam. Program ini masih lagi dalam proses perancangan yang diusahakan oleh Darul Quran, JAKIM.

Program-program yang dilaksanakan di atas membuktikan Kerajaan sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap pendidikan anak-anak di semua peringkat tanpa mengira sama ada ia sekolah kerajaan atau sebaliknya.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO.**

**46 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                      JAWAB LISAN**

**DARIPADA :                      YB TUAN ER TECK HWA (BAKRI)**

**TARIKH                              9 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah mangsa yang terlibat, bantuan ehsan dan pampasan yang diberikan mengikut mukim dan kampung semasa banjir besar yang berlaku di kawasan selatan Semenanjung Malaysia pada bulan Januari hingga Februari 2011.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa prihatin kepada kumpulan sasanya termasuklah mangsa banjir yang memerlukan bantuan.

Di bawah Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN), peranan dan tanggungjawab JKJ sekiranya berlaku sesuatu bencana adalah seperti berikut:

- a) Menyedia dan menyelenggarakan pusat-pusat pemindahan;
- b) Membuat persediaan dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan;
- c) Menjalankan pendaftaran ke atas mangsa untuk tujuan pemulihan semula mangsa bencana; dan
- d) Memberi bimbingan, nasihat dan kaunseling kepada mangsa-mangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi negeri Johor, sebanyak 376 pusat pemindahan banjir telah dibuka bagi membantu seramai 77, 803 mangsa banjir dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3,997,896.00. Di negeri Melaka pula, sebanyak 31 pusat pemindahan dibuka untuk membantu 7,006 mangsa banjir dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1,200.00.00. Di Negeri Sembilan, 29 buah pusat pemindahan dibuka dengan jumlah mangsa banjir yang ditempatkan ialah seramai 1,983 orang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM139.110.00 dan di negeri Pahang sebanyak 29 buah pusat pemindahan telah dibuka untuk membantu 1,962 mangsa banjir

dengan jumlah peruntukan sebanyak RM376939.00. Jumlah keseluruhan mangsa banjir yang dibantu adalah seramai 88,754 orang di 463 buah pusat pemindahan banjir yang dibuka di empat negeri tersebut.

Peruntukan keseluruhan berjumlah sebanyak RM5.7 juta telah dibelanjakan oleh Kementerian bagi mengurus, menyedia bekalan makanan, peralatan dan keperluan mangsa di pusat-pusat pemindahan berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah pemulihan jangka pendek, JKM juga menyediakan bekalan makanan bagi tempoh di antara 3 hingga 7 hari kepada setiap keluarga yang keluar daripada pusat pemindahan yang kembali ke kediaman masing-masing.

Bantuan pemulihan jangka panjang berbentuk wang ehsan dan pampasan adalah di bawah bidang kuasa dan diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri (JPBBN) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri yang berkenaan.

**DARIPADA                      DATUK WIRA                      AHMAD BIN HAJI**  
**HAMZAH (JASIN)**

**PERTANYAAN            :    LISAN**

**TARIKH                        :    09.03.2011**

**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah (Jasin) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mekanisme Kementerian memantau prestasi GLC's. Berapakah sumbangan GLC's kepada GDP dan**

hasil (*revenue*) negara pada tahun 2009 dan 2010 serta apakah tindakan Kementerian ke atas GLC's yang gagal menyumbang kepada hasil negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan tadbir urus korporat yang diamalkan oleh syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), pemantauan serta penyeliaan ke atas GLC dilakukan oleh Lembaga Pengarah syarikat masing-masing, yang merangkumi pengarah nomini mewakili kepentingan para pemegang saham terbesar syarikat termasuk daripada pihak Kerajaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah, antara lainnya juga menetapkan sasaran KPI bagi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan anggota Pengurusan yang lain serta menilai pencapaian mereka melalui laporan berkala (setiap suku tahunan).

2. Di antara sumbangan langsung GLC kepada hasil negara adalah melalui pembayaran cukai. Pembayaran cukai oleh 19 GLC terbesar di bawah Program Transformasi GLC bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM5.538.2 juta dan meningkat kepada RM6.289.7 juta. Di antara penyumbang terbesar bagi kedua-dua

tahun adalah Malayan Banking Bhd dan Axiata Group Berhad.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, GLC bukan sahaja beroperasi untuk menjana keuntungan, tetapi juga memainkan peranan dalam pembangunan sosial negara. Sehubungan itu, di samping sumbangan dalam bentuk cukai, GLC turut memberi pelbagai manfaat kepada empat golongan pemegang kepentingan seperti berikut:

(i) Masyarakat umum

- Menyediakan peluang latihan kepada 6,000 orang siswazah menganggur di bawah Skim Pengurusan Peningkatan Nilai Siswazah (GEMS) sejak tahun 2009.
- Kira-kira 103,500 orang murid di 207 sekolah seluruh negara menerima manfaat di bawah program pengambilan sekolah angkat PINTAR yang disertai oleh 27 buah GLC.
- Sejumlah 2,148 buah keluarga fakir miskin menerima faedah di bawah program pembasmian kemiskinan Sejahtera.

- Di antara GLC yang terlibat dalam program- program tersebut adalah Sime Darby Bhd, Malaysian Airline System Bhd dan Tenaga Nasional Bhd.

(ii) Pelanggan

- Para pelanggan menerima pelbagai manfaat daripada peningkatan kecekapan GLC termasuk tahap perkhidmatan yang lebih baik, seperti yang ditawarkan oleh Malaysian Airline System Bhd, Malaysian Airport Holdings Bhd, CIMB Group Holdings Bhd dan beberapa GLC lain.

(iii) Pembekal dan vendor

- Menawarkan pelbagai peluang perniagaan kepada kira-kira 38,171 vendor dan pembekal tempatan.
- Melatih kira-kira 592 vendor di bawah Program Pembangunan Vendor yang melahirkan 130 vendor baru sejak tahun 2004. Di antara GLC yang melaksanakan Program Pembangunan Vendor adalah Telekom Malaysia Bhd, Sime Darby Berhad dan PROTON Holdings Berhad.

(iv) Warga kerja dan modal insan

- Menawarkan peluang pekerjaan kepada lebih daripada 340,000 orang rakyat tempatan.

4. Berdasarkan kepada sumbangan-sumbangan di atas, jelas menunjukkan bahawa kesemua GLC menyumbang kepada hasil dan pembangunan negara secara langsung atau tidak langsung sama ada dari segi kewangan dan bukan kewangan.





PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**  
DARIPADA

Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD.

TARIKH

TAIB [BALING]

9 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD. TAIB [BALING] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada faktor ekonomi mikro dipertimbangkan dalam melaksana projek-projek mega kerana ada projek mega seperti projek lebuhraya bukan membantu peniaga atau petani kecil malah menenggelamkan mereka ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap cadangan program dan projek pembangunan yang dikemukakan oleh kementerian dan agensi kerajaan akan dinilai secara menyeluruh sebelum diperaku untuk dilaksanakan. Setiap cadangan akan diteliti dari pelbagai aspek seperti impak kepada ekonomi, sosial dan persekitaran secara keseluruhan, terutamanya dari segi keperluan dan *outcome* yang ingin dicapai serta kos yang terlibat. Selain itu, kesan limpahan kepada ekonomi termasuklah kesan pengganda yang menyumbang kepada output yang lebih tinggi, pengwujudan peluang pekerjaan, serta faedah yang boleh dinikmati oleh rakyat secara langsung atau tidak langsung seperti penjimatan masa perjalanan dan memudahkan penghantaran barangan perniagaan atau hasil pertanian juga akan diambilkira. Maka adalah tidak tepat jika kita mengatakan peniaga atau petani kecil tidak mendapat faedah daripada projek pembangunan seperti pembinaan lebuhraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telah menyusun pelbagai program bagi membantu golongan peniaga dan petani kecil supaya mereka dapat

mengambil peluang daripada pelaksanaan projek pembangunan tersebut.  
Antaranya program lAzam, kemudahan kredit mikro dan pinjaman mudah  
EKS

serta penyediaan ruang perniagaan. Semuanya bertujuan untuk memastikan faedah pembangunan yang dilaksanakan dapat dinikmati oleh pelbagai lapisan rakyat. Kerajaan juga komited dalam memastikan bahawa setiap projek pembangunan yang dilaksana bukan sahaja berdaya maju malah memberi manfaat yang maksimum kepada rakyat dan nilai wang yang tinggi terhadap perbelanjaan Kerajaan.

Kesimpulannya, setiap projek mega yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah menjalani kajian yang cukup teliti dari segi kos dan faedah kepada negara dan rakyat secara keseluruhannya.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS \_\_\_\_\_ (2011)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH  
(DUNGUN)**

**TARIKH :9 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN:**

Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah kemajuan cadangan penubuhan Makmal Analisis Institut Halal Malaysia bagi meningkatkan jaminan halal bahan yang diuji menjadikan Malaysia pusat Halal Dunia dengan menjadikan JAKIM sebagai rujukan utama dalam pensijilan halal.

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Makmal Institut Halal Malaysia di bandar Enstek dengan

## **NO SOALAN:**

keluasan 40 ekar kini dalam proses bengkel Pengurusan Nilai yang diadakan di Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 7

hingga 17 Februari 2011 yang lalu. Projek ini mendapat kelulusan dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10) bernilai RM25 juta. Selain itu, lawatan tapak projek ini telah dilancarkan pada 4 Januari 2011. Projek ini akan bermula hujung tahun ini. Makmal ini terdiri daripada 3 Seksyen iait:

1. Seksyen Kimia
2. Seksyen Mikrobiologi
3. Seksyen Bioteknologi.

Ketiga-tiga seksyen ini saling berkaitan dan melengkapi keperluan sebuah makmal halal dalam menganalisis pelbagai sampel dari pihak kerajaan, industri mahupun orang perseorangan. Perancangan makmal ini dihasilkan menggunakan tenaga pakar dari Jabatan Kimia Malaysia, Kementerian Kesihatan dan Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia.

Selain itu, makmal ini dijangka beroperasi pada tahun 2014 untuk mengatasi isu halal produk dan makanan dan dapat mempercepatkan proses pensijilan halal Malaysia yang selama ini mengambil masa 30 hari. Sebelum ini sampel-sampel yang diambil perlu di hantar ke Jabatan kimia terlebih dahulu untuk mendapatkan keputusannya.

Dengan adanya makmal analisis halal ini, kepakaran Malaysia dalam industri halal dapat dipertingkatkan dan diperluaskan dengan kerjasama

peringkat MABIMS, ASEAN mahupun peringkat dunia. Standard Halal Malaysia kini digunakan secara meluas di seluruh dunia. Setakat ini, sebanyak 51 badan Islam luar negara yang melibatkan lebih 20 buah negara telah diiktiraf JAKIM yang berperanan dalam mengesahkan status halal bahan mentah, produk makanan, bahan ramuan kritikal, daging dan produk berasaskan haiwan sebelum dieksport ke Malaysia. Jesteru itu penubuhan makmal ini memacu Malaysia sebagai peneraju Hab halal di peringkat global.

Sekian, terima kasih

NO. AUM

NO. AUP : SO

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF**

**[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH 9 MAC 2011**

**RUJUKAN 3347**

**SOALAN:**

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau panjang ] minta**

**MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Balai Polis Rantau Panjang akan dibina di tapak yang selamat dari banjir dan berapa kosnya.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, tapak baru bagi pembinaan Balai Polis Rantau Panjang yang selamat dari banjir telah dikenalpasti iaitu tanah persendirian di Lot 2546, Kg. Alor Pasir, Mukim Gual Neting, Rantau Panjang (berhadapan Balai Bomba Rantau Panjang) seluas 1.622 hektar (4.107 ekar). Lawatan ke tapak telah dibuat oleh pihak IPK Kelantan, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kelantan bersama pemilik tanah berkaitan. PDRM juga telah mengemukakan permohonan ke PTG untuk pengambilan tanah tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembinaan semula Balai Polis Rantau Panjang akan dipohon untuk dilaksanakan dalam *rolling plan* kedua RMK-10. Anggaran kos pembinaan semula Balai Polis Rantau Panjang adalah RM40juta.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI  
JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN DARIPADA</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>TARIKH SOALAN</b>	<b>Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM) 9 MAC 2011 Datuk Raime Bin Unggi minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:</b>

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam membantu para pelajar serta rakyat Malaysia yang terjejas akibat bencana banjir yang berlaku di Queensland baru-baru ini; dan
- (b) apakah bentuk bantuan yang telah dihulurkan oleh Kerajaan kepada pelajar serta rakyat Malaysia melalui Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia ataupun Jabatan Penuntut Malaysia di Australia (MSD).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI  
JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN  
DARIPADA

JAWAB LISAN

DATO\* HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN  
[KOTA BELUD]

TARIKH  
SOALAN

30 MAC 2011

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan adakah tepat laporan media-media tempatan yang menyatakan bahawa bantuan kemanusiaan diberikan kepada para pelajar serta rakyat Malaysia di Queensland semasa bencana banjir baru- baru ini agak lewat. Jika benar, apakah punca kelewatan tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Tenom bertarikh 9 Mac 2011 dan Yang Berhormat Kota Belud bertarikh 30 Mac 2011 secara serentak kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

2. Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan-soalan tersebut.

3. Di dalam bencana banjir yang melanda Queensland, Australia baru-baru ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan melalui Kementerian Pengajian Tinggi sekitar RM 231,425.00 (AUD75,000.00) bagi membantu rakyat Malaysia, yang terdiri kebanyakannya dari kalangan pelajar. Di samping itu, Majlis Keselamatan Negara juga turut memperuntukkan sumbangan dalam usaha untuk membantu mangsa-mangsa banjir tersebut.

4. Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Canberra dan Jabatan Penuntut Malaysia (MSD) juga menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir. Selain dari itu, badan-badan seperti PETRONAS, MAS, Kelab Putra 1 Malaysia, Biro Antarabangsa UMNO dan Puteri UMNO turut menghulurkan sumbangan dengan bantuan Kementerian Luar Negeri dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di samping sumbangan yang diterima dari orang perseorangan. Di antara bentuk bantuan yang disalurkan selain dari bantuan kemanusiaan termasuk bantuan makanan, komputer

riba dan juga wang kepada para pelajar yang menjadi mangsa banjir ini.

5. Pegawai-pegawai dari Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Konsulat dan MSD telah mengunjungi kawasan yang terlibat serta mengadakan perjumpaan dengan pelajar-pelajar serta- keluarga mereka. Pegawai-pegawai tersebut juga telah mengadakan perbincangan dan bekerjasama dengan Konsul Kehormat Malaysia di Australia, pihak universiti dan juga Jawatankuasa Bantuan Bencana Banjir penuntut Malaysia, dengan izin, *Flood Relief Committee* dalam usaha menangani bencana ini. Pegawai-pegawai dari Suruhanjaya Tinggi Malaysia dan MSD juga telah pergi secara bergilir-gilir bagi membantu dan mengelola bilik operasi bencana banjir bersama-sama penuntut Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bencana banjir tersebut merupakan yang terburuk pernah berlaku di Australia dalam tempoh lebih dari lima (5) dekad. Oleh yang demikian, semua Perwakilan Asing di Australia telah dinasihatkan oleh pihak berkuasa Australia supaya tidak memasuki kawasan bencana agar pihak berwajib dapat melakukan tugas-tugas membantu dan menyelamatkan mangsa-mangsa banjir dengan lancar. Ini juga bagi mengelakkan daripada kejadian atau kemalangan yang tidak diingini dari berlaku.

7. Pegawai-pegawai hanya dibenarkan untuk pergi ke Queensland selepas banjir surut dan jalan-jalan raya kembali

dibuka. Namun begitu, para peiajar dan rakyat Malaysia di Queensland telah dihubungi bagi mendapatkan perkembangan dan sukacita dinyatakan semua pelajar dan rakyat Malaysia dimaklumkan selamat serta tiada kemalangan jiwa dilaporkan. Mereka juga telah dinasihati agar menjaga keselamatarxjiiri serta mematuhi segala arahan pihak berkuasa Australia.

8. Justeru, laporan-laporan yang mengatakan bahawa Kerajaan Malaysia lambat bertindak dalam memberi bantuan kepada rakyat Malaysia adalah tidak benar.

Sekian, terima kasih.

**NO. AUM : 37**

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN**

**DATO' IBRAHIM BIN ALI [ PASIR MAS ]**

**DARIPADA**

**9 MAC 2011**

**TARIKH**

**3348**

**SOALAN:  
RUJUKAN**

Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengenai jumlah laporan polis yang dibuat oleh orang awam yang berkaitan dengan hasutan berbagai perkara sepanjang tahun 2011 dan berapakah jumlah pendakwaan yang dibawa ke mahkamah.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Mas yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sedang menjalankan siasatan terhadap lapan (8) laporan kes yang diklasifikasikan di bawah Akta Hasutan, 1948, bagi tempoh dari Januari 2011 hingga Februari 2011. Sehingga kini sebanyak satu (1) kes yang masih disiasat di bawah Akta Hasutan telah dituduh di Mahkamah Sesyen Shah Alam. Walau bagaimanapun, siasatan bagi kes-kes lain di bawah Akta Hasutan masih lagi diteruskan.

### DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA** : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN

[PENGERANG]

**TARIKH** : 9 MAC 2011

### SOALAN

**Dato' Sri Azaiina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:-

(a) langkah-langkah, kajian dan perancangan yang telah diambil untuk membaiki sistem peparitan dan saliran air terutama di kawasan-kawasan yang sering mengalami masalah banjir; dan

PERTANYAAN LISAN

(b) apakah terdapat sebarang peruntukan khas untuk menaiktaraf sistem dan longkang di kawasan yang sering dinaiki air terutama di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil tindakan untuk mengatasi masalah banjir melalui:

- i. Membuat kajian, perancangan serta menyediakan pelan induk saliran dan tebatan banjir bagi lembangan-lembangan sungai termasuk kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir. Sebagai contoh, pihak JPS telah menyediakan lima (5) Pelan Induk Tebatan Banjir bagi negeri Johor yang merangkumi kawasan-kawasan seperti berikut:



- Lembangan Sungai Johor, Johor
  - Lembangan Sungai batu Pahat, Johor
  - Daerah Kluang, Johor
  - Wilayah Pembangunan Iskandar, Johor
  - Lembangan Sungai Mersing, Johor
- ii. Melaksanakan langkah-langkah struktur serta bukan struktur dalam pelaksanaan projek-projek tebatan banjir berdasarkan pelan-pelan induk tersebut tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diberi.

Bagi kawasan bandar yang terletak di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak JPS telah membantu dalam penyediaan pelan-pelan induk saliran bandar dengan menggunakan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA).

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), projek Perparitan dan Pencegahan Banjir Berskala Kecil Luar Bandar merupakan salah satu sub-program di bawah Program Ameniti Sosial (PAMS), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Skop kerja di bawah program ini termasuk bina baru dan menaiktaraf sistem perparitan / longkang di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun untuk RMKe-10, KKLW tidak diluluskan peruntukan untuk melaksanakan projek perparitan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**NO.SOALAN:**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

TARIKH : 9 MAC 2011

SOALAN :

TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah SPRM telah memulakan siasatan setelah menerima bukti dokumen daripada agensi pengiklanan ISC yang menyatakan 'kekaburan' dalam proses tender pengiklanan Tourism Malaysia dan apakah langkah-langkah siasatan itu..

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Segambut, siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas isu yang

SOALAN NO: 55

dibangkitkan tersebut masih lagi dijalankan. Perinciannya tidak boleh didedahkan.

Sekian, terima kasih

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN           JAWAB LISAN  
DARIPADA           Dato' Mohd. Jidin Bin Shafee [ Setiu ]  
TARIKH               9 MAC 2011 (RABU)  
SOALAN               Dato' Mohd. Jidin BIN Shafee [ Setiu ] minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan berapakah jumlah petani yang terlibat dengan kejadian banjir awal tahun ini, berapakah peruntukan bantuan yang diberikan kepada mereka dan apakah langkah - langkah Kerajaan bagi menangani masalah banjir di kawasan pertanian di negara ini pada masa depan.

JAWAPAN OLEH       : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah petani yang terlibat dengan banjir pada tahun 2011 di Negeri Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor adalah seramai 7,199 orang dengan anggaran kerugian berjumlah RM45,679,799. Jumlah bantuan yang disyorkan adalah berdasarkan kadar yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Manakala jumlah kerugian sektor pertanian bukan padi akibat banjir pada November 2010 di Kedah adalah sebanyak RM3.2 juta. Bagaimanapun, Kerajaan hanya menyediakan bantuan ehsan melalui Majlis Keselamatan Negara kepada mangsa banjir dan bukannya bantuan ganti rugi. Permohonan bantuan wang ehsan boleh dibuat melalui jabatan - jabatan berkaitan sektor masing - masing di peringkat daerah. Permohonan ini akan dipanjangkan ke Majlis Keselamatan Negara di peringkat negeri untuk pengesahan dan pertimbangan.

Langkah - langkah yang diambil bagi menangani masalah banjir adalah seperti projek tebatan banjir di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

**No. SOALAN:**

**PERTANYAAN**

**57 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B.DATUK AARON AGO ANAK DAGANG ( KANOWIT )**

**T ARIKH**

**9 MAC 2011 (RABU )**

**SOALAN**

**Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG minta**

**PERDANA MENTERI** menyatakan kejayaan Slogan 1 Malaysia bagi mengeratkan lagi perpaduan di antara kaum, vis-avis, persepsi bahawa polarisasi antara kaum sekarang semakin meningkat.

**JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)**

Walaupun negara kita adalah lebih aman dan damai berbanding dengan kebanyakan negara majmuk yang lain, tetapi perbezaan dari segi kepelbagaian agama, budaya dan bahasa masih menyebabkan rakyat kita cenderung bergaul berkelompok sendiri, jarang dan kurang ataupun tidak sama sekali bergaul dengan kelompok- kelompok lain secara rapat. Ini menjadi punca polarisasi sosial antara kaum. Perbezaan dan polarisasi seumpama ini kadang-kala mencetuskan perselisihan serta sentimen perkauman atau agama yang mungkin menggugat ketenteraman dan kestabilan masyarakat, sekiranya tidak diuruskan dan ditangani dengan sesuainya.

Oleh itu, sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara selama lebih daripada 53 tahun, pucuk pimpinan negara pada amnya memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman, mengekalkan keharmonian, menguruskan pelbagai jurang antara kaum serta meredakan sebarang sengketa yang timbul. Penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam semua bidang sentiasa berpandukan kepada Pelembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai

asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara betapa seimbang yang mungkin.

Dalam konteks sedemikian, Gagasan 1 Malaysia yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri adalah bertujuan untuk terus memupuk dan mempertingkatkan lagi muhibah dan perpaduan masyarakat Malaysia yang majmuk ini. Gagasan ini yang berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara menekankan perpaduan dalam kepelbagaian ( *unity in diversity*). Semua rakyat perlu menerima dan menghormati kepelbagaian budaya dan keunikan kaum-kaum yang sedia ada, serta menegakkan keadilan sosial di mana semua rakyat Malaysia akan terbela khasnya golongan-golongan yang memerlukan bantuan.

Sejak dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, gagasan 1 Malaysia telah secara langsung dan tidak langsung berjaya meningkatkan kesedaran dan komitmen rakyat terhadap betapa pentingnya untuk saling menghormati dan mengeratkan perhubungan kaum di Negara ini. Ini dapat dilihat dengan jelasnya dari populariti dan penggunaan lambang 1 Malaysia itu sendiri oleh rakyat sebagai simbol perpaduan dan keazaman untuk menjayakan transformasi negara. Lebih penting lagi, ramai rakyat, terutamanya generasi muda begitu gemar menyahut dan melaung "1 Malaysia" secara spontan, dalam apa juga majlis perayaan atau perhimpunan.

Di samping itu, telah kian muncul kesedaran bahawa apa juga program atau aktiviti yang dianjurkan hendaklah seboleh-bolehnya merangkumi dan melibatkan peserta pelbagai kaum supaya mencerminkan gagasan 1 Malaysia. Adalah diharap bahawa usaha berterusan ke arah positif ini akan dapat memecahkan tembok dan membina jambatan antara kaum, dan seterusnya mengatasi polarisasi. Dalam perkara ini, semua pemimpin

~~PERTANYAAN~~ Pertanyaan politik hendaklah memainkan peranan positif.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                      JAWAB LISAN

DARIPADA                        YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN)

TARIKH                            9 MAC 2011 (RABU)

SOALAN

YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilakah Kerajaan akan mengemukakan Laporan Berkala Ketiga dan Keempat CEDAW yang digabungkan kepada Jawatankuasa CEDAW, memandangkan laporan tersebut seharusnya dihantar pada tahun 2008.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah selesai mengemas kini kebanyakan data dan fakta dalam Laporan Negara Ketiga dan Keempat mengenai pelaksanaan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Ke Atas Wanita (CEDAW). Dalam hal ini, KPWKM sememangnya komited dalam memastikan Laporan Negara yang disediakan berkualiti dan melaporkan kejayaan penting (*significant*) negara dalam melaksanakan komitmennya di bawah CEDAW, terutamanya berhubung dasar, perundangan dan program yang telah digubal atau dilaksanakan oleh Kerajaan.





Antara pencapaian utama pada tahun 2010 yang telah dimasukkan dalam Laporan Negara ini ialah:

- persetujuan Kerajaan untuk menarik balik reservasi berhubung 3 artikel di bawah CEDAW iaitu Artikel 5(a), 7(b) dan 16(2). Langkah ini selaras dengan komitmen yang dibuat oleh Malaysia untuk mengkaji semula reservasi yang dibuat ke atas CEDAW semasa membentangkan Laporan Negara Pertama dan Kedua pada bulan Mei 2006;
- buat julung kalinya, pelantikan 3 orang wanita sebagai Hakim Mahkamah Syariah (di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Melaka). Langkah ini selaras dengan Artikel 7(b) yang meminta supaya negara pihak memberikan hak yang sama kepada wanita untuk memegang jawatan dalam perkhidmatan awam (*public office*);
- pelanjutan cuti bersalin 90 hari kepada pekerja wanita (khususnya dalam perkhidmatan awam); dan
- penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 mulai 1 Oktober 2010 (yang dapat memberi jaminan faedah kepada 6.5 juta orang terutamanya kepada suri rumah, ibu tunggal, pesara, orang kurang upaya dan pelajar institusi pengajian tinggi yang ingin bekerja secara separa masa).
- Sehubungan itu, KPWKM dijangka dapat mengemukakan laporan tersebut untuk kelulusan Kerajaan pada akhir bulan April 2011.

**NO. AUM : 59**  
**NO. AUP**  
:r1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' SERI ONG KA CHUAN [ TANJONG MALIM ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>9 MAC 2011</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>3533</b>

**SOALAN:**

Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah pembinaan kompleks baru Pejabat Polis Daerah Tanjong Malim di Slim River, Perak yang tertangguh akan diteruskan dan apakah punca di sebalik kelewatan pelaksanaan projek ini yang sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2007.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Malim kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pelaksanaan projek pembinaan semula IPD Tanjong Malim pada asalnya telah dipersetujui untuk dilaksanakan oleh Pembinaan BLT Sdn Bhd tetapi terpaksa ditangguhkan setelah Kementerian Kewangan menghadkan peruntukan kepada RM 8 bilion sahaja untuk pelaksanaan projek BLT.

Projek Pembinaan IPD Tanjong Malim akan dipohon untuk dilaksanakan dalam *rolling plan* kedua RMK-10 akan datang.

NW-60

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

PEMBER

TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT 9

TARIKH

ITAHUA

SOALAN

N

MAC 2011 (RABU)

PERTAN

NO.60

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [ Kuala Terengganu ] minta MENTERI

DEWAN  
RAKYAT PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah nilai aset tetap seperti bangunan

dan tanah dan aset boleh alih seperti kenderaan dan peralatan pejabat dan asrama KUSZA (Kolej Agama Sultan Zainal Abidin) yang telah dinaik taraf kepada UNISZA dan berapakah jumlah bayaran yang telah dan akan dibayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) telah dimansuhkan pada 31 Disember 2006. Pada 1 Januari 2007, KUSZA menjadi sebahagian daripada Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) dan kemudiannya ditukar nama kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) pada 13 Mei 2010.

Penyerahan KUSZA kepada UniSZA (dahulunya dikenali sebagai Universiti Darul Iman Malaysia - UDM) adalah mengikut kaedah pengarttttilan secara *total* yang melibatkan harta alih dan tidak alih serta semua tanggungan termasuk pegawai dan kakitangan.

Bagi tujuan penyerahan ini, Kerajaan Negeri Terengganu telah membuat tuntutan sebanyak RM184,519,233.00 (melibatkan aset seperti bangunan, tanah dan kenderaan) kepada Kerajaan Persekutuan.

Pihak Kerajaan tidak dapat mempertimbangkan tuntutan kos penyerahan dan pemindahan KUSZA kepada UniSZA. Tambahan pula, tiada peruntukan disediakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) mahupun RMKe-10 bagi tujuan pembayaran tuntutan ini.

Di samping itu, Kerajaan Persekutuan secara tidak langsung telah mengambillalih bebanan kos operasi KUSZA sebanyak RM382.24 juta daripada Kerajaan Negeri Terengganu yang nyata melebihi jumlah bayaran yang dituntut.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUANHAJI AHMAD LAI BIN BUJANG**

**(SIBUTI)**

**TARIKH** : 09.03.2011

**No. Soalan**

**SOALAN:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
~~YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]~~ minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kementerian dapat memberi jaminan kepada anak-anak yang tidak mempunyai sijil kelahiran untuk mengikuti pembelajaran di sekolah dan adakah pihak Kerajaan membenarkan mereka untuk terus mengikuti sistem pembelajaran sehingga peringkat universiti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil langkah sewajarnya dalam usaha menangani masalah kanak-kanak tanpa dokumen. Sehubungan itu, KPM melalui Surat Pekeliling Ikhtisas 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 telah mengeluarkan arahan bahawa mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen dan salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara, boleh didaftarkan sebagai murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan setelah mendapat surat pengesahan atau surat perakuan daripada Ketua Kampung.

Bagi kanak-kanak yang bukan warganegara pula, walaupun kanak-kanak tersebut tidak dibenarkan mengikuti pendidikan di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, pada masa ini KPM telah memutuskan dasar pendidikan alternatif kepada Kanak-kanak tersebut. Penglibatan pelbagai agensi dan NGO dalam membantu menjayakan pendidikan alternatif amat diharapkan. Rjmo6





No. Soalan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI  
JAWAB LISAN**

**DEWAN**

PERTANYAAN :

**RAKYAT JAWAB**

DARIPADA

LISAN

TARIKH SOALAN

YB TUAN WONG HO LENG (SIBU)

09 MAC 2011

YB TUAN WONG HO LENG (SIBU) minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan mengapa Blok L dan M diserahkan kepada Brunei. Sebelum penyerahan, mengapa perkara ini tidak pernah dibangkitkan dalam Parlimen. Mengapa

**No. Soalan**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

persetujuan daripada kerajaan negeri Sarawak dan Sabah tidak diperolehi.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sibu atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Seperti yang telah dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, penyelesaian isu-isu tertunggak di antara Malaysia dan Brunei Darussalam yang melibatkan persempadanan maritim dan persempadanan darat telah dimeterai melalui Pertukaran Surat (*Exchange of Letters*) yang telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, YABhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi dengan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pada 16 Mac 2009 di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

3. Elemen-elemen penyelesaian yang terkandung di dalam Pertukaran Surat adalah persempadanan maritim, Aturan Komersial (*Commercial Arrangement*), persempadanan darat dan akses maritim (*maritime access*). Di bawah Pertukaran Surat, sempadan laut wilayah, pelantar benua dan zon ekonomi eksklusif di antara kedua-dua negara ditentukan berdasarkan peruntukan-peruntukan undang-undang antarabangsa

termasuklah peruntukan-peruntukan di dalam *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS 1982). Dengan adanya sempadan maritim ini, tuntutan bertindih kawasan maritim di antara kedua-dua negara telah diselesaikan. Sehubungan dengan itu, tidak timbul persoalan Blok L dan M diserahkan kepada Brunei Darussalam. Ini adalah kerana Blok L dan M terletak di dalam kawasan maritim Brunei Darussalam berdasarkan persempadanan maritim yang dipersetujui.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Seperti yang telah dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini juga, elemen-elemen yang terkandung di dalam Pertukaran Surat terutamanya yang melibatkan persempadanan darat dan maritim adalah sah dan tidak bercanggah dengan peruntukan Perkara 2, Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, tidak wujud keperluan perkara ini dikemukakan kepada Parlimen. Elemen-elemen penyelesaian seperti yang terkandung di dalam Pertukaran Surat telah dibincang dan diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada Mesyuarat bertarikh 11 Februari 2009. Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah juga telah dimaklumkan berhubung dengan elemen penyelesaian yang terkandung di dalam Pertukaran Surat dan Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah menyambut baik penyelesaian yang dicapai.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Penyelesaian isu-isu tertunggak di antara Malaysia dan Brunei Darussalam yang disempurnakan melalui Pertukaran Surat (Exchange of Letters) pada 16 Mac 2009 telah mengukuhkan lagi hubungan dua hala yang sedia terjalin di antara kedua-dua negara. Lembaran baru di dalam hubungan dua hala Malaysia - Brunei Darussalam ini akan membuka jalan kepada kerjasama yang lebih erat di antara kedua-dua negara khususnya di dalam bidang pelaburan dan ekonomi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA: DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

TARIKH 9 MAC 2011 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah serta strategi yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan kawasan-kawasan berkepentingan di laut atau darat dipertahankan bagi menjamin kedaulatan negara Malaysia tidak

tergadai.

JAWAPAN

Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

Tuan Yang Dipertua,

Memastikan kedaulatan dan keselamatan negara terjamin dan terpelihara merupakan agenda utama serta fokus penting Kerajaan. Antara langkah yang dilakukan adalah penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada 15 Februari 2005. Penubuhan ini juga bertujuan untuk mengatasi masalah pertindihan fungsi, bidang kuasa, kawasan operasi dan pembaziran sumber di kalangan 11 agensi maritim sedia ada. Sejak itu, APMM telah menjalankan kewajipan sebagai agensi keselamatan yang menguatkuasakan undang-undang di Zon Maritim Malaysia (ZMM) bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan pengguna amnya, sekali gus menjamin keselamatan dan kemakmuran negara. Bagi mengukuhkan lagi keselamatan kawasan berkepentingan di laut, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menyerahkan pengoperasian dan pentadbiran Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA) pada 17 November 2005 dan Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM) pada 1 Julai 2009 kepada APMM. Pada 6 Jun 2006, APMM telah mengambil alih tugas penyelaras Mencari dan Menyelamat (Carilamat) maritim daripada Jabatan Laut Malaysia.

Sehingga Februari 2011, Kerajaan telah melengkapkan APMM dengan aset-aset baru seperti 3 helikopter AS365 N3 Dauphin, 3 helikopter Augusta Westland 139, 2 buah pesawat Amfibia CL 415 MP, 2 radar

mudah alih dan 19 buah bot laju. Sebanyak 18 bot pemintas laju dan 6 bot penyelamat akan diterima dalam masa terdekat.

Seterusnya, Jabatan Peguam Negara sedang meneliti draf Rang Undang-Undang Jenayah Maritim serta melaksanakan penambahbaikan kepada akta-akta sedia ada bagi memperkasakan lagi APMM dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Kini Kerajaan dalam perancangan akhir untuk menjadikan APMM sebagai Agensi Tunggal dalam menguatkuasakan undang-undang maritim negara pada Ogos 2011.





Dalam konteks kawasan berkepentingan di darat iaitu kawasan persempadanan dan lokasi-lokasi lain, beberapa langkah telah pun dilaksanakan bagi memastikan kawasan ini dipertahankan dan bebas daripada sebarang ancaman. Antara langkah yang dilaksanakan termasuklah :

1. Melaksanakan dasar-dasar persempadanan yang telah di peretujui di peringkat antarabangsa;
2. Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan pasukan keselamatan secara berterusan;
3. Penempatan pasukan keselamatan di kawasan strategik;
4. Pendekatan diplomatik dengan negara-negara berkepentingan; dan
5. Penyertaan dalam forum antarabangsa dalam perkara berkaitan dengan kedaulatan wilayah dan negara.

Kerajaan juga telah menubuhkan beberapa jawatankuasa di peringkat serantau bagi menentukan perkara kepentingan bersama dibincangkan di forum berkenaan. Senarai jawatankuasa - jawatankuasa dengan negara di persempadanan negara adalah seperti di Lampiran A. Selain itu, peranan Jawatankuasa Sasaran Penting turut membantu dalam memelihara dan mengawal kepentingan lokasi-lokasi strategik negara daripada dibolosi oleh ancaman luar mahu pun ancaman dari dalam negara

Penubuhan Jawatankuasa Perancang Gerakan Kebangsaan merupakan satu jawatankuasa yang bertujuan merangka, menyelaraskan dan mengkaji pelaksanaan operasi pasukan keselamatan di kawasan

berkepentingan negara. Dalam masa yang sama, pasukan keselamatan telah diaturgerak untuk mengadakan rondaan dan operasi. Kem/pos keselamatan juga telah didirikan untuk mengawal lokasi strategik dan kawasan persempadanan.

Justeru, pelaksanaan operasi yang berterusan dan kerjasama erat antara APMM dengan agensi-agensi yang berkaitan akan dapat memastikan kawasan-kawasan berkepentingan di laut atau darat dapat dipertahankan bagi menjamin kedaulatan negara Malaysia tidak tergadai.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN A

#### JAWATANKUASA - JAWATANKUASA DI ANTARA MALAYSIA - INDONESIA

1. General Border Committee Malaysia Indonesia (GBC)
2. High Level Committee (Malindo) HLC
3. Coordinated Operations Control Committee (COCC)
4. Jawatankuasa Latihan Bersama (JKLB)
5. Sosio Ekonomi (SOSEK)
6. Joint Police Cooperations Committee (JPCC)
7. Tim Perancang Operasi Maritim (TPOM)

#### JAWATANKUASA - JAWATANKUASA DI ANTARA MALAYSIA - THAILAND

1. General Border Committee Malaysia - Thailand (GBC)
2. High Level Committee (Malthai) HLC
3. Regional Border Committee ( RBC)
4. Land Working Group (LWG)
5. Combined Working Group (CNWG)
6. Air Working Group (AWG)
7. Border Management Working Group (BMWG)
8. Disaster Management Working Group (DMWG)
9. Intelligent Working Group (IWG)



NO. SOALAN: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

[SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 9 MAC 2011 (RABU)

SOALAN :

Y.B. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa peratus daripada jumlah ruang pejabat di bangunan KLCC yang disewa atau dibeli oleh Kerajaan, dan peratusannya yang dibeli ataupun disewa oleh pihak swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menara berkembar PETRONAS yang mempunyai 88 tingkat untuk setiap menara, mula beroperasi pada tahun 1998 dan dimiliki sepenuhnya oleh anak syarikat PETRONAS.

Menara 1 digunakan sepenuhnya oleh PETRONAS dan anak-anak syarikatnya, manakala lebih daripada 50% ruang pejabat di Menara 2 disewa kepada pihak lain. Penyewa-penyewa ruang pejabat di Menara 2 terdiri daripada syarikat-syarikat bertaraf antarabangsa seperti Bloomberg, Murphy, Aveva, Mckinsey & Co. Inc, Huawei Technologies dan Barclays Capital Market. Syarikat pelaburan milik Kerajaan iaitu Khazanah Nasional hanya menyewa kira-kira 7% daripada ruang pejabat di Menara 2.

No. Soalan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI  
JAWAB LISAN**

**DEWAN**

PERTANYAAN :

DARIPADA

TARIKH SOALAN

**RAKYAT JAWAB**

LISAN

YB DATUK TIONG THAI KING (LANANG)

09 MAC 2011

YB DATUK TIONG THAI KING (LANANG) minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan adakah kapal pedagang berbendera Malaysia dirompak oleh bajak laut Somalia. Jika ada, nyatakan kerugian yang terlibat dan bagaimanakah

**No. Soalan**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI  
JAWAB LISAN**

Kementerian menjamin keselamatan kapal  
pedagang.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Lanang di atas soalan yang dikemukakan.

2. Seperti Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sedia maklum, sebahagian besar perdagangan dunia menggunakan pengangkutan laut, dan Teluk Aden merupakan laluan perkapalan utama yang menghubungkan Asia dengan Eropah. Walau bagaimanapun, sejak tahun 2005, kawasan Teluk Aden khususnya dan perairan Somalia amnya, telah menjadi kawasan di mana berleluasanya aktiviti pelanunan (*piracy*). Pada tahun 2010 sahaja, hampir 60 buah kapal telah dirampas oleh lanun Somalia.

3. Kapal-kapal berpendaftaran Malaysia juga telah menjadi mangsa kegiatan pelanunan di Teluk Aden. Pada tahun 2008, dua buah kapal berpendaftaran Malaysia yang dipunyai oleh MISC Berhad, iaitu kapal Bunga Melati 2 dan Bunga Melati 5, telah dirampas oleh lanun-lanun Somalia pada 19 Ogos 2008 dan 29 Ogos 2008. Lanun-lanun Somalia telah menahan kapal-kapal dan anak-anak kapal di kawasan perairan Somalia sehinggalah satu persetujuan berhubung dengan pembayaran wang tebusan dicapai. Kapal Bunga Melati 2 dibebaskan pada 30 September 2008 manakala kapal Bunga Melati 5 dibebaskan pada 27 September 2008.



4. Pada tahun 2009, sebuah kapal tunda (*tug*) berpendaftaran Malaysia iaitu Masindra 7 telah dirampas oleh lanun Somalia pada 16 Disember 2009 dan dibebaskan pada 2 Ogos 2010 setelah wang tebusan dibayar oleh tuannya kapal. Pada tahun 2010, kapal MV Albedo telah dirampas oleh lanun Somalia pada 26 November 2010. Kapal MV Albedo masih di dalam kawalan lanun kerana tuannya kapal dan rundingan untuk membebaskan kapal ini dan 23 anak kapal masih dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Berhubung dengan kerugian yang ditanggung oleh pemilik kapal apabila kapal dirampas dan ditahan oleh lanun Somalia, pemilik kapal menanggung kerugian dari aspek kapal tidak dapat beroperasi dan kerugian ini boleh mencecah puluhan ribu ringgit setiap hari. Dalam masa yang sama, pemilik kapal juga mengalami kerugian di mana sejumlah wang terpaksa diperuntukkan untuk membayar wang tebusan sebelum kapal dan anak-anak kapal yang ditahan dibebaskan.

6. Sebagai sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa, aktiviti pelanunan boleh memberikan kesan negatif kepada sektor import dan eksport negara. Sehubungan dengan itu, Kerajaan prihatin kepada masalah pelanunan yang berleluasa di kawasan Teluk Aden dan perairan Somalia. Dalam hal ini, antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah

pelanuran di Teluk Aden dan perairan Somalia adalah menggalakkan pemilik-pemilik kapal melaksanakan langkah-langkah pencegahan seperti yang terkandung di dalam pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa (International Maritime Organization - IMO).

7. Dalam masa yang sama, Kerajaan telah menghantar kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) ke kawasan Teluk Aden untuk mengiringi kapal-kapal dagang berpendaftaran Malaysia. Sejak tahun 2008, KD Inderapura, KD Mahawangsa, KD Indra Sakti, dan KD Hang Tuah telah beroperasi di kawasan Teluk Aden. Pada masa ini, kapal *auxiliary* Bunga Mas 5 menjalankan tugas mengiringi kapal-kapal dagang berpendaftaran Malaysia yang melalui kawasan Teluk Aden dan perairan Somalia.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN**

**JAWAB LISAN**

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib  
(Maran)**

**9 MAC 2011 (RABU)**

**DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB**

minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan ketika pelancaran Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR) oleh YAB Perdana Menteri, Kerajaan mengumumkan rakyat berpendapatan rendah akan menikmati bantuan beras subsidi melalui pendaftaran yang diuruskan oleh agensi tertentu. Sehingga kini berapakah jumlah sebenar yang didaftarkan dan bilakah SUBUR dapat diagihkan kepada rakyat yang memerlukannya.

**JAWAPAN OLEH**

**Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan semula Program Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR) akan mengguna pakai dua senarai utama iaitu melalui senarai e-Kasih dan senarai yang dikemukakan Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPPP). Melalui senarai e-Kasih di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (UPP, JPM) jumlah penerima yang telah dikenal pasti sehingga 2 Januari 2011 adalah lebih kurang 231,755 ketua isi rumah manakala senarai pemohon yang telah diterima

melalui 222 urus setia MPPP sehingga 8

November 2010 adalah berjumlah 524,765 orang. Walau bagaimanapun, daripada jumlah ini seramai 73,654 pemohon dikesan telahpun tersenarai dalam sistem e-Kasih. Ini menjadikan jumlah pemohon melalui urus setia MPPP sebanyak 451,111 orang.

Selain daripada itu, jumlah sebenar penerima belum dapat dimuktamadkan kerana didapati terdapat pemohon menghantar permohonan lebih daripada satu kali dan juga terdapat ahli keluarga yang lain seperti isteri atau anak yang turut menghantar permohonan yang sama (dikesan melalui penggunaan alamat rumah yang sama). Perlu difahami bahawa pemberian bantuan ini adalah melalui ketua keluarga dan bukannya secara individu. Keadaan ini menyebabkan senarai penerima bantuan SUBUR tidak dapat dimuktamadkan dalam masa yang singkat.

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)**

**PERTANYAAN :                    LISAN**

**TARIKH                    :        09.03.2011**

**Dr. Lee Boon Chye (Gopeng) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah yang dipinjam oleh Kerajaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara terus, termasuk pecahan tempoh pinjaman dan faedah yang perlu dibayar ke KWSP pada tahun 2001 hingga 2010.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2010 baki keseluruhan pinjaman yang diberikan oleh KWSP kepada Kerajaan dan agensi Kerajaan ialah RM86.2 bilion. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM20.7 bilion (24%) merupakan pinjaman secara langsung kepada Kerajaan dan baki RM65.5 bilion (76%) adalah pinjaman kepada badan berkanun dan syarikat Kerajaan seperti Sarawak Hidro Sdn. Bhd., Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi**

Nasional (PTPTN), Pembinaan PFI Sdn. Bhd. dan Bank Pembangunan Malaysia Bhd. (BPMB).

2. Pinjaman ini adalah berisiko rendah ('risk free') kerana merupakan pinjaman secara langsung kepada Kerajaan dan juga kepada agensi dan syarikat berkaitan Kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, kadar faedah yang dikenakan adalah berdasarkan kepada kadar pulangan ke atas kertas-kertas hutang terbitan Kerajaan seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia. Kadar faedah adalah dalam lingkungan antara 3.6% hingga 6.0% setahun bergantung kepada tempoh pinjaman. Tempoh pinjaman pula adalah dalam lingkungan antara 4 hingga 20 tahun.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, pinjaman ini adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat dalam sektor seperti pendidikan, pengangkutan awam, perumahan, bekalan elektrik, peladangan dan hartanah.





PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHEAL TOYAD(MUKAH)
TARIKH	9 MAC 2011 (RABU)
SOALAN	68

Datuk Dr. Muhammad Leo Micheal Toyad (Mukah) minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan rancangan untuk meningkatkan kawalan ke atas jentera berat di jalan luar bandar dengan membina *Weighing Bridges* untuk mengelak muatan berlebihan yang merosakkan jalan

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mempunyai sebanyak 50 Stesen Timbang Tetap di seluruh negara. Sebanyak 43 stesen timbang daripadanya terletak di jalan persekutuan dan di kawasan pedalaman dan 7 lagi terletak di lebuhraya.

Di samping itu, JPJ juga telah memperoleh sebanyak 47 alat Timbang Mudah Alih. Alat ini telah diagihkan kepada semua JPJ negeri dan cawangan mengikut keperluan. Sebanyak 17 unit telah diagihkan ke JPJ Sabah dan Sarawak manakala yang selebihnya ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Penggunaan alat Timbang Mudah Alih didapati

berkesan kerana

tidak membebankan pemandu/pemilik lori yang terpaksa membawa kenderaan mereka ke Stesen Timbang JPJ yang terletak jauh dari tempat kenderaan diperiksa.

Bagi meningkatkan lagi penguatkuasaan ke tahap yang lebih komprehensif dan efisien, JPJ juga sedang mengenalpasti keperluan pembinaan Stesen Timbang di beberapa kawasan yang menjadi laluan kenderaan berat. JPJ sedang membuat kajian untuk memohon tambahan perolehan alat timbang.

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA  
TING**

**KAWASAN KULAI**

**TARIKH 9 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN:**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan permohonan projek pembinaan jalan dari bandar Kulai ke Taman Senai Utama, Senai melalui jejantas kenderaan di persimpangan Lapangan Terbang Sultan Ismail.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya (KKR)

telah menjalankan Kajian Kemungkinan bagi membina projek Jalan Pintas Bandar Kulai, Johor (*Kulai By-Pass*) pada tahun 2008.

Skop projek ini melibatkan cadangan membina Jalan Pintas Kulai sepanjang 14 kilometer, 2 lorong 2 hala dengan standard piawai JKR R5 dari Taman Aman, Johor Bahru ke simpang laluan Plaza Tol Kulai. Laluan ini turut menghubungkan akses ke simpang Lapangan Terbang Sultan Ismail di Senai dan simpang ke Kota Tinggi. Anggaran kos projek terlibat ialah sebanyak RM195 juta termasuk RM92 juta kos pengambilan balik tanah. Pembinaan projek ini kelak akan dapat mengurangkan kesesakan di Jalan Persekutuan 1, khususnya di antara Kulai dan Senai yang mencatatkan jumlah trafik harian yang tinggi, iaitu melebihi 28,500 kenderaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek ini sememangnya diberikan keutamaan yang tinggi oleh Kementerian Kerja Raya untuk dilaksanakan dalam RMKe-10. Sehubungan itu, kementerian ini akan berusaha dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan projek ini diluluskan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 kelak.

Sekian. Terima kasih.



TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO ( KLANG )

DARIPADA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 09.03.2011

Tuan Charles Anthony a/l Santiago ( Klang ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan hasil penyelidikan jawatankuasa khas yang ditubuhkan untuk menyiasat pengaliran keluar sebanyak RM888 bilion secara haram (*illegal*). Apakah cadangan Kerajaan untuk menutup saluran yang digunakan untuk mengeluarkan wang ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang terbuka serta sistem kewangan yang sangat liberal, di mana sektor perniagaan dan isi rumah di Malaysia secara rutin dapat menjalankan pelbagai urusan niaga merentas sempadan. Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2010 ialah sebanyak RM1.17 trilion atau USD363.5 bilion, bersamaan dengan 153% daripada KDNK. Sistem ini secara keseluruhannya didukung oleh undang-undang, peraturan dan pengawalseliaan yang komprehensif yang memberikan keyakinan

bagi menjalankan perniagaan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, sebarang

pelanggaran terhadap peraturan dan pengawalseliaan negara adalah suatu perkara yang amat serius.

2. Data urus niaga ekonomi dan kewangan Malaysia dengan dunia luar dirangkum dalam perangkaan imbangan pembayaran, yang disusun berdasarkan metodologi yang disarankan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Memandangkan jumlah urus niaga yang amat besar dengan dunia luar di samping ketiadaan data untuk barangan tertentu disebabkan oleh kesalahan perangkaan atau pindahan dana yang tidak direkodkan, maka akan ada kesalahan dan ketinggalan (*errors and omissions* - E&O) dalam imbangan pembayaran. E&O Malaysia mencatat aliran keluar sebanyak RM135.3 bilion (bersamaan dengan USD37.9 bilion) bagi tempoh 2000 hingga 2009. Jumlah E&O ini mencakupi kurang 2% daripada jumlah perdagangan Malaysia dan dalam lingkungan 5% daripada jumlah perdagangan mengikut standard yang diterima. Selain percanggahan perangkaan yang benar-benar berlaku, E&O juga mungkin mencerminkan aliran kewangan tidak direkodkan yang dijalankan melalui saluran tidak formal, yang mungkin termasuk dana yang berpunca daripada aktiviti haram.

3. Menyedari jumlah aliran keluar dana tidak direkodkan yang semakin meningkat, Bank Negara Malaysia telah menjalankan siasatan mengenai pindahan dana secara haram yang dilakukan oleh pengurup wang. Sehingga kini, sebanyak 50 lesen pengurup wang telah dibatalkan dan lapan pengurup wang dan pengarahnya telah



didakwa di mahkamah dan didapati bersalah.

4. Kerjasama antarabangsa dan perkongsian maklumat dengan agensi penguatkuasaan undang-undang asing untuk tujuan perkongsian hasil risikan dan bukti bagi transaksi merentas sempadan juga telah dipertingkatkan. Beberapa rakan sejawat asing telah bekerjasama dalam pengawasan dan tindakan bersama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang tempatan bagi menjejaki destinasi akhir dana haram berkenaan. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah menubuhkan pasukan petugas peringkat tertinggi untuk terus menyiasat perkara tersebut.

5. Sementara itu, rangka tindakan dan rangka kerja undang-undang baru untuk industri pengurusan dan pengiriman wang akan dilaksanakan pada tahun ini untuk memupuk pembangunan industri yang kukuh, menggalakkan standard tadbir urus dan amalan profesional yang baik bagi melindungi integriti industri.

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR  
[TUMPAT]**

**TARIKH : 9 MAC 2011**

**SOALAN YB Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat]  
minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan  
peranan Malaysia dalam membantu  
pengiktirafan dan perjalanan baik negara**

No.Soalan ■ *1*

PEMBER1TAHU PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA



## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia telah mengiktiraf Kemerdekaan Kosovo pada 30 Oktober 2008 dan merupakan negara ke-52 daripada 75 buah negara yang telah berbuat demikian. Daripada jumlah ini, 18 buah negara adalah anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).
3. Pada 2 Mac 2011, Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kosovo dan akan mentauliahkan salah satu daripada perwakilan Malaysia di Eropah untuk ditauliahkan secara serentak ke negara tersebut.
4. Dalam usaha meningkatkan hubungan dua hala dan membantu Kosovo, Malaysia akan terus menawarkan kursus- kursus di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) serta membuka lebih banyak peluang kepada pelajar-pelajar dari Kosovo untuk menyambung pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia.
5. Dalam pada itu, Malaysia akan menyokong Kosovo untuk diterima menganggotai pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA

TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

[ JERAI ]

TARIKH

9 MAC 2011 (RABU)

SOALAN

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah yang dibelanjakan oleh isteri Perdana Menteri untuk setiap siri lawatannya ke luar negara pada Januari 2011 yang lalu dan nyatakan adakah perbelanjaan tersebut tersenarai dalam bajet 2011.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

**NO. SOALAN : 39**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan dan kos lawatan rasmi yang dibuat oleh Isteri Perdana Menteri ke pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

- i) Riyadh, Arab Saudi pada 6hb hingga 10hb Januari 2011 bagi menyampaikan Ucaptama di Seminar Antarabangsa Pertama, mengenai Pengurusan Kualiti Pendidikan K-12, atas jemputan Timbalan Menteri Pelajaran Arab Saudi;
- ii) Muscat, Oman pada 16hb hingga 18hb Januari 2011 bagi menerima undangan daripada Menteri Pembangunan Sosial, Kerajaan Oman dan;
- iii) Dhaka, Bangladesh pada 20 Januari 2011 bagi menerima undangan Madam Cherie Blair, Penaung di Asian University for Women dan menyampaikan ucaptama di Simposium "Memikirkan Masa Hadapan Asia: Idea dan Halatuju Ke Arah Perubahan."

Secara keseluruhannya kos perbelanjaan bagi ketiga-tiga lawatan tersebut adalah RM134,317.76.

Ahli rombongan yang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri adalah terdiri daripada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, serta isteri Menteri-Menteri, Menteri Besar-Menteri Besar, Ketua Menteri serta beberapa pegawai kerajaan yang terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L**

**NAGAPAN**

**KAWASAN PADANG SERAI**

**TARIKH : 9 MAC 2011 (RABU)**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN (PADANG SERAI)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa dan siapakah yang membiayai kos penyelidikan tanah oleh IKRAM di Bukit Gasing berdekatan dengan Tokong Sivan, Petaling Jaya dari 2007 hingga sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu pembinaan Kuil Sri Sivan di Bukit Gasing, Petaling Jaya, Selangor adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Kementerian Kerja Raya dimaklumkan bahawa pihak pentadbiran kuil telah melantik Kumpulan Ikram Sdn. Bhd. (KISB), iaitu antara tahun 2007 hingga 2009, untuk menjalankan kerja-kerja penyiasatan tanah dan memantau kesan pembinaan kuil tersebut terhadap kawasan persekitaran kuil berkenaan. Kos keseluruhan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh KISB itu ialah sebanyak RM300,000 dan ia ditanggung oleh pihak pentadbiran dan pemegang amanah kuil berkenaan.

Sekian. Terima kasih.